



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGALKETIGA
Third Session

Jilid III Bil. 20

Hari Isnin

18hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' Tan Peng Khoon
Y.B. Puan Law Jack Yoon
Y.B. Tuan C. Krishnan (Ruangan 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan 1)
Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 2)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 3)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 4)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990 (Ruangan 34)

DN.18.12.89

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 18hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Dato' Tan Peng Khoon
2. Puan Law Jack Yoon
3. Tuan C. Krishnan

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik semula itu, dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya serta semoga dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang. Di-persilakan.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"18hb Disember, 1989

Tuan' Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Jualan Barang (Pindaan dan Perluasan);
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kewangan;
6. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi;
7. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaaan);
10. Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan);

11. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan
(Tempatan) (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan)(Pindaan); dan
13. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URDSAH MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di Mesyuarat ini.

1. Rang Undang-undang Institut Penyelidikan
dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Jualan Barang (Pindaan
dan Perluasan);
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kewangan;
6. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi;
7. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Pelabuhan-Pelabuhan
(Penswastaaan);
10. Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan);

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**LEBUHRAYA TIMUR-BARAT - BAYARAN KERJA**

1. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kerjaraya menyatakan bagaimanakah boleh berlakunya lebih bayaran sebanyak \$30 juta bagi baikpulih kerja Lebuhraya Timur-Barat yang telah menjadi kontroversi baru-baru ini dan apakah perbezaan pendapat mengenai penilaian kerja di antara Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Audit menunjukkan tidak ada kata sepakat di antara Jabatan-jabatan Kerajaan.

18. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kementerian itu sedar mengenai pembayaran berlebihan kepada projek-projek yang di bawah kelolaan Kementerian ini yang sering berlaku sebagai contoh terbesar ialah projek memperbaiki Lebuhraya Timur-Barat. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang telah dilakukan bagi mengatasi kejadian yang tidak wajar itu.

22. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejauhmanakah benarnya yang Kementerian Kerjaraya telah terlebih bayar sebanyak \$30 juta kepada kontraktor yang membina projek Lebuhraya Timur-Barat, Jeli-Grik. Jika benar berlaku, mengapakah boleh berlaku demikian?

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk memberi jawapan kepada soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 18 yang dikemukakan oleh Y.B. Puan Ainon binti Ariffin dan soalan No. 22 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam memandangkan maksudnya adalah hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), telahpun membuat keputusan bahawa pembayaran \$30 juta yang telah dibuat kepada kontraktor berkenaan adalah wajar dan berpatutan mengikut syarat-syarat kontrak yang telah dipersetujui. Dengan keputusan PAC itu ternyata tidak ada lebih bayaran dalam kontrak projek berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan kekeliruan seperti ini tidak akan berlaku di masa-masa akan datang, Kementerian saya akan meningkatkan peraturan kerja khususnya berhubung dengan dokumentasi supaya kemas, lebih teratur dan senang untuk tujuan rujukan. Pihak JKR juga telah dinasihatkan supaya memperkemaskan dan meningkatkan keupayaan untuk mengawas pelaksanaan projek-projek selaras dengan syarat-syarat kontrak.

Mengenai persoalan Yang Berhormat adalah adanya perbezaan pendapat mengenai penilaian kerja antara JKR dan Jabatan Audit yang menunjukkan seolah-olah tidak ada kata sepakat di antara Jabatan-jabatan Kerajaan, Kementerian berpendapat setiap Jabatan mempunyai bidang tugas dan peranan masing-masing. Jabatan Audit sebagai agensi yang bertanggungjawab secara langsung memastikan harta-harta awam diurus dengan teratur dan sempurna, mempunyai hak berbuat demikian sebagai 'counter-check' kepada pengurusan harta awam yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain. Oleh itu, perbezaan pendapat seperti ini tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga ada Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Parlimen iaitu PAC, sebagai 'check and balance', dengan izin, yang bertanggungjawab kepada orang awam mengenai pengurusan dan pengendalian harta awam serta mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan berhubung dengan masalah yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Jabatan-jabatan.

MAJLIS PERUNDING EKONOMI NEGARA - KEMAJUAN

- 2. Tuan.G. Rajoo** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) kemajuan yang dicapai oleh Majlis Perunding Ekonomi Negara setakat ini dalam membentuk dasar ekonomi negara selepas tahun 1990;
 - (b) apakah kesan terhadap Majlis ini berikutan dengan beberapa ahli menarik diri dari keanggotaannya; dan
 - (c) bilakah laporan Majlis ini dapat disiapkan dan diumumkan kepada rakyat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Majlis Perunding Ekonomi Negara ataupun MPEN telah bersidang 12 kali. Kelima-lima Jawatankuasa yang ditubuhkan telah mengemuka dan membentangkan laporan masing-masing kepada Majlis. Majlis telahpun selesai membincangkan laporan dari empat buah Jawatankuasa iaitu laporan-laporan daripada Jawatankuasa Pengutipan Methodology dan Analisa Data, Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pembasmian Kemiskinan, Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Penyusunan Semula Masyarakat dan Jawatankuasa Ekonomi dan Perkembangan Antarabangsa.

Perbincangan atas laporan Jawatankuasa Pembangunan Sumber Tenaga Manusia akan disambung pada sidang pleno yang akan datang. Jawatankuasa Kecil Perbadanan Negara yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Pemandu Untuk Mengkaji Soal Perpaduan Negara secara mendalam telah menyiapkan draf laporannya dan telah mengemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu untuk dibincangkan. Laporan Jawatankuasa tersebut dijangka akan dibentang dan dibincangkan dalam sidang pleno yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penarikan diri, beberapa orang ahli masalah tersebut adalah menjadi tanggungjawab Majlis sendiri untuk menyelesaikannya. Bagi pihak Kerajaan adalah diharapkan perbincangan Majlis berjalan seperti biasa mengikut peraturan

yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Majlis sendiri. Kerajaan tidak akan campurtangan dalam hal ini. Majlis dijangka akan menyiapkan laporan keseluruhannya pada awal tahun 1990 apabila semua laporan Jawatankuasa telah dibincangkan di sidang pleno Majlis. Laporan tersebut akan mengambil kira segala rumusan dan cadangan daripada Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan serta perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dalam sidang pleno. Laporan akhir akan dikemukakan kepada Kerajaan apabila Majlis telah berpuas hati dengan laporan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang mengeluarkan apa-apa kenyataan mengenai tarikh pengubalan dasar ekonomi selepas tahun 1990 memandangkan MPEN masih belum selesai menjalankan tugasnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mempertimbangkan dengan penuh tanggungjawab segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh MPEN sebelum dasar baru untuk tahun selepas 1990 diumumkan kepada rakyat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat soalan tambahan. Pertamanya, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan walaupun Kerajaan mempunyai kuasa untuk meneruskan Dasar Ekonomi Baru, Perunding Ekonomi tetapi oleh kerana hendak memuaskan hati seluruh rakyat jelata maka Kerajaan menyerahkan kepada satu badan supaya membentuk satu Dasar Ekonomi Baru untuk dipergunakan selepas tahun 1990. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kenapa mereka itu menarik diri dan saya difahamkan Ahli-ahli yang menarik diri daripada menjadi ahli MPEN itu kebanyakan daripada DAP sama ada Yang Berhormat ber-setuju atau tidak. Kalau saya perkatakan mereka tidak sanggup

melibatkan dalam Ahli-ahli Majlis Perunding Ekonomi Negara ini kerana kalau mereka sama-sama terlibat maka keputusan itu akan dicapai. Maka mereka tidak mempunyai perbincangan untuk menjadi isu politik di dalam pilihanraya yang akan datang, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, benar bahwa yang menarik diri itu kebanyakan terdiri daripada Wakil-wakil DAP. Seramai 5 orang Wakil DAP yang menarik diri di samping itu ada 4 orang lagi yang lain itu yang menarik diri. Dan berhubung dengan soalan yang akhir itu, saya bersetuju.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah keputusan laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dalam membentuk dasar ekonomi negara selepas 1990 itu memerlukan keputusan sabulat suara atau memadai keputusan undi majoriti sahaja?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam laporan yang dikemukakan nanti adalah berdasarkan kepada persetujuan sebulat suara dan pihak Kerajaan akan menjadikan laporan itu sebagai satu garis panduan sahaja.

PERUSAHAAN PELANCONGAN

3. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan selain dari usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan dan menjayakan perusahaan pelancongan di negara ini, apakah usaha-usaha yang dirancang dan sedang/ akan dilaksanakan bagi perkembangan aspek-aspek kebudayaan terutama dalam konteks pertumbuhan kebudayaan nasional/Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha-usaha yang dilakukan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, untuk meningkatkan dan menjayakan perusahaan pelancongan Kementerian juga menitikberatkan perkembangan aspek-aspek kebudayaan melalui program-program yang dirancang selaras dengan kontek pertumbuhan kebudayaan nasional. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah mengadakan berbagai program bagi mengisi, membina dan melaksanakan dasar kebudayaan kebangsaan seperti berikut:

- (1) pemulihan dan pemeliharaan serta pengembangan kesenian tradisional seperti wayang kulit, makyong, wau, gasing dan silat yang dijalankan melalui kursus, pertandingan dalam bentuk manifestasi dan pesta. Dari segi kesenian sezaman Kementerian mengalakkan aktiviti-aktiviti seperti teater, muzik, seni lukis dan seni tampak bagi meninggikan perkembangan kesenian secara profesionalisme dengan meningkatkan mutu dan tarafnya;
- (ii) dalam konteks pembangunan kesenian Kementerian mengalakkan usaha kreatif ke arah menghasilkan bidang kesenian bermutu tinggi yang sesuai dengan sezaman. Usaha pengembangan kepada lambang-lambang kesenian kebangsaan yang baik yang mengalakkan penglibatan dan penyertaan semua pihak sentiasa dilakukan di upacara-upacara negara dan rombongan kesenian ke luar negeri melalui produksi-produksi seperti Tun Teja, Telawati, Dewa Muda dan sebagainya diketengahkan berasas kepada tradisi rakyat, legenda dan sejarah;
- (iii) menyelaraskan aktiviti-aktiviti pertukaran kebudayaan antarabangsa dengan semua agensi di semua tahap dengan menerokai kehendak antara Malaysia dengan negara-negara yang ada perjanjian kebudayaan; dan

(iv) mengadakan program-program bagi meningkatkan kefahaman dan keilmuan melalui siri ceramah budaya dengan kerjasama institut pengajian tinggi dan juga siri ceramah kepada pelajar-pelajar. Di samping itu Kementerian juga menjalankan usaha-usaha pengumpulan bahan-bahan dokumentasi untuk bacaan umum sebagai sumber rujukan budaya. Usaha-usaha Kementerian ini adalah ke arah pertumbuhan kebudayaan nasional yang sihat selaras dengan dasar kebudayaan kebangsaan yang ada sekarang.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bangga kerana adanya usaha-usaha dari segi pertumbuhan kebudayaan nasional ataupun kebudayaan Malaysia yang dilakukan oleh Kementerian tetapi saya merasa sedikit kesal kerana selalunya tumpuan dari segi publisiti dan sebagainya tidak kepada aspek-aspek kebudayaan **ini**, mungkin ini dapat dilakukan dengan lebih giat lagi oleh pihak Kementerian. Namun begitu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kalau kita meninjau dari segi pertumbuhan kebudayaan mungkin satu target group dengan izin, ataupun kumpulan sasaran yang paling baik dilakukan ialah melalui kanak-kanak. Saya ingin tahu sama ada ada atau tidak usaha-usaha dijalankan di mana faktor-faktor kebudayaan ataupun aspek-aspek kebudayaan ini dilakukan dengan perancangan yang tertentu untuk kanak-kanak.

Than Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang ada Kementerian melaksanakan ataupun tumpuan kepada target group, umpamanya dari segi pelaksanaan perancangan kita pada mulanya kita menganjurkan aspek-aspek kebudayaan ini kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela dan juga mereka yang bertanggungjawab sebagai pemimpin-pemimpin kepada masyarakat di dalam negara kita. Langkah yang kedua yang telah dan sedang kita jalankan ialah kita menumpukan kumpulan sasaran kita kepada pemimpin-pemimpin dan penggerak-penggerak budaya bukan sahaja kepada satu kaum tetapi kepada berbagai-bagai kaum seperti kita menganjurkan kempen budaya untuk memperluaskan kefahaman kepada pemimpin-pemimpin serta penggerak-penggerak budaya kepada semua peringkat agar mereka memahami dengan sebenarnya iaitu dasar matlamat dan strategi pembinaan kebudayaan kebangsaan kita. Insya Allah peringkat seterusnya akan kita jalankan setelah kita dapat maklum balas kempen budaya ataupun gerakan kem budaya kepada penggerak-penggerak ini setelah kita mendapat maklum balas daripada pelaksanaan projek-projek tersebut kita akan tumpukan pula kepada sasaran kita yang ketiga iaitu di peringkat kanak-kanak kecil.

Walau bagaimanapun, saya inginlah jelaskan kepada Dewan ini bahawa perkembangan ataupun pemahaman tentang kebudayaan kebangsaan bukanlah semata-mata tanggungjawab Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tetapi ianya juga telah dimainkan oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Ini termasuklah seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat tadi kalau di peringkat kanak-kanak Kementerian Pendidikan juga telah memainkan peranan yang penting untuk menerapkan nilai-nilai kebudayaan kebangsaan di peringkat sekolah lagi.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan membuat penjelasan iaitu berkenaan dengan konteks pertumbuhan kebudayaan nasional bahawa ada setengah-setengah negeri telah menubuhkan brigade seni seperti di negeri Melaka di mana brigade seni telah ditubuhkan dan penari-penari telah dibayar dengan upah sebagai penari sepenuh masa. Adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bercadang akan memberikan sumbangan kewangan kepada brigade-brigade seni seperti brigade seni Melaka ini yang telah menjalankan tugas untuk pertumbuhan kebudayaan nasional kita dan juga telah membuat promosi pelancongan negara kita kepada pelancong-pelancong asing.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya maklumkan bahawa apa sahaja kegiatan yang melibatkan kebudayaan kita sudah tentulah menjadi tanggungjawab semua pihak dan jika Kerajaan negeri menubuhkan brigade seni sudah tentulah Kerajaan negeri telah memandang iaitu keperluan kewangan ini perlulah diperuntukkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sentiasa memberi kerjasama sama ada dari segi bantuan teknikal dan sebagainya kepada pihak-pihak yang berkenaan dan juga kita mempunyai satu akaun iaitu akaun amanah yang mana setakat yang kita mampu Insya Allah kita akan beri bantuan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya inginlah menyatakan kepada

Yang Berhormat **iaitu** dalam membangunkan kebudayaan kebangsaan ini kita tidaklah semestinya bergantung kepada keupayaan kewangan tetapi kita mestilah mempunyai satu sikap tanggungjawab untuk memastikan ianya mencapai kejayaan sebab itu semua pihak mestilah terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu soalan sahaja lagi.
Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau di Malaysia agama Islam adalah agama rasmi negara, adakah pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan membuat sesuatu perkara sebagaimana membuat kepada kebudayaan-kebudayaan yang lain untuk menunjukkan kepada seluruh negara di dalam dunia ini bahawa Malaysia adalah negara Islam yang sejati, agama Islam adalah agama rasmi negara.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya berkenaan, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa matlamat pembinaan kebudayaan kebangsaan kita ialah perpaduan negara, keperibadian kebangsaan dan kehidupan kemanusiaan dan kerohanian. Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan telahpun menetapkan tiga dasar yang penting di dalam pembinaannya. Pertamanya, kita menentukan kebudayaan rakyat asal rantau ini adalah menjadi teras. Kedua, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai juga boleh kita terima sebagai dasar di dalam pembinaan tersebut. Ketiga, yang penting di dalam dasar tersebut ialah Islam menjadi unsur penting di dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan kita. Oleh sebab **itu**, kita di Kementerian ataupun Kerajaan keseluruhannya melaksanakan dasar-dasar ini, umpamanya Kerajaan menjalankan satu dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran adalah merupakan satu daripada dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Di samping itu, di peringkat Kementerian juga umpamanya kita telah mengadakan Persidangan Tamaddun Dunia Islam, pertemuan-pertemuan dunia Islam dan sebagainya bagi mencungkilkan unsur-unsur nilai-nilai yang baik di dalam kebudayaan kita agar ianya dapat diketengahkan dan dijadikan sebagai amalan kita.

JALAN KUALA LIPIS-GUA MUSANG - PEMBAIKAN

4. Tuan Hassan bin Harun minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa Jalan Kuala Lipis-Gua Musang di antara Kuala Lipis dengan Padang Tunku rosak teruk. Adakah Kerajaan bercadang untuk membaikinya memandangkan jalan itu semakin popular dengan pengguna-pengguna Kuala Lumpur-Kota Bharu sekarang.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai soalan ini, iaitu berkenaan sebahagian daripada Jalan Kuala Lipis-Gua Musang, iaitu dari Merapoh ke Pagar Sasak telahpun diperbaiki dengan jumlah kos sebanyak \$13.530 juta. Berkenaan dengan bahagian jalan dari Kuala Lipis ke Padang Tunku, Kementerian Kerjaraya memang menyedari keadaan jalan itu yang mengalami kerosakan yang teruk. Memandangkan kos membaiki jalan ini adalah tinggi, peruntukannya akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang akan datang.

GERAKAN BELIA 4B - JUMLAH CAWANGAN

5. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) bilangan persatuan-persatuan Belia yang bergabung dengan Gerakan Belia 4B Malaysia serta jumlah keahliannya mengikut negeri-negeri;
- (b) sama ada terdapat atau tidak persatuan-persatuan Belia tersebut yang tidak dapat bergerak sama sekali disebabkan oleh masalah pendaftaran dan berapa bilangannya, dan
- (c) apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh Gerakan tersebut sekarang ini.

26.12.89

8. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau menyedari bahawa Pergerakan Belia 4B tidak lagi aktif dibandingkan dengan kedudukannya beberapa tahun yang silam'. Apakah langkah-langkah yang telah dirancang untuk memperbaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Haji Awang bin Jabar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman yang akan dikemukakan pada 26hb Disember nanti kerana ada kaitan.

- (a) Mengikut perangkaan yang diterima dari Pendaftar Pertubuhan, jumlah Cawangan Gerakan Belia 4B negeri-negeri adalah seperti berikut. Jaya menjawab ini dengan jumlah cawangan:-

Negeri	Bil. Cawangan
Perlis	74
Kedah	430
Pulau Pinang	77
Perak	269
Selangor	239
Wilayah Persekutuan	60
Negeri Sembilan	124
Melaka	102
Johor	252
Pahang	115
Terengganu	201
Kelantan	298

- (b) Memang terdapat persatuan-persatuan belia yang tidak dapat bergerak, malahan pendaftarannya juga dibatalkan oleh Pihak Pendaftar Pertubuhan atas beberapa masalah teknikal yang dihadapi oleh persatuan-persatuan berkenaan seperti tidak menghantar penyata tahunan, penyata kewangan dan tidak memenuhi syarat-syarat bagi mendaftarkan sesebuah persatuan. Setakat ini ada sebanyak 870 persatuan telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Mengenai soalan berkenaan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki kedudukan Gerakan Belia 4B, sebenarnya Pertubuhan Gerakan Belia 4B di peringkat Negeri, Kawasan dan Cawangan-cawangan masih aktif, cuma peringkat

Kebangsaan sahaja yang tidak bergerak. Kementerian Belia dan Sukan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk menggerakkan semula Pertubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia ini.

- (c) Kementerian telah menasihatkan Gerakan Belia 4B Malaysia supaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan mengikut Perlembagaan Pertubuhan itu supaya tidak menjejaskan keahlian Gerakan Belia 4B Malaysia, dan dengan itu juga dapat memperkukuhkan perpaduan dan kepimpinan Gerakan Belia 4B Malaysia di seluruh negara.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa di peringkat Cawangan, Cawangan-cawangan ini begitu aktif sekali tetapi bagi saya bahawa di Cawangan sekarang ini masih terpinga-pinga apa akan terjadi kepada 4B dan kita tahu bahawa 4B merupakan satu pertubuhan belia yang paling besar sekali dalam negara kita. Soalan saya pernahkah, Yang Berhormat berusaha untuk berbincang dengan Presiden 4B dan menyatakan apa yang berlaku sekarang ini membolehkan Presiden ini sedar apa yang berlaku.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, perbincangan dengan Presiden Belia 4B Malaysia telah dibuat oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Belia dan Sukan dan sehubungan dengan itu dalam pertemuan-pertemuan sama ada dengan Presiden ataupun Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia 4B Malaysia, Kementerian lantas menasihati mereka sebagaimana yang saya sebutkan tadi supaya membetulkan kedudukan 4B demi untuk memajukan Gerakan Belia di seluruh negara kita ini.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat, pernahkah Kementerian menasihatkan Presiden 4B ini suruh letak jawatan.

Yang kedua, kalau dia tak sedar **diri dia**, beritahu kepada dia bahawa dia sudah berada dalam kapal lain yang ahli-ahli 4B sekarang berada dalam kapal lain. Jadi saya minta Yang Berhormat tolong ambil daya usaha ini supaya dia letak jawatan.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah.

Tuan V.K, Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan berapakah harta Belia 4B ini sehingga sekarang. Bagaimanakah harta ini menguntungkan ahli-ahli 4B. Bagaimanakah kedudukan koperasi Belia 4B SEGEMAL. Apakah perhubungan di antara Belia 4B dan Koperatif SEGEMAL.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana figure ini tidak ada pada saya, saya minta notis.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai pendaftaran keahlian belia. Sama ada belia-belia ini datang sendiri ke pertubuhan-pertubuhan belia atau satu usaha dibuat supaya pendaftaran itu bermula sebaik sahaja belia-belia tamat sekolah menengah atau institusi pengajian tinggi bagi penyelarasan angka sebenar para belia di tanahair kita.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kemasukan ahli-ahli di dalam satu-satu pertubuhan, belia adalah inisiatif oleh individu belia-belia itu sendiri dengan memajukan nama-nama mereka ke pertubuhan belia-belia di cawangan-cawangan ataupun di peringkat-peringkat yang lebih tinggi daripada **itu**. Namun begitu, kita juga melaksanakan program-program untuk memberi penerangan kepada belia-belia, khususnya murid-murid sekolah di Tingkatan 5, Tingkatan 6 penjelasan mengenai pergerakan-pergerakan belia dan program-program belia, opportunity yang mungkin diperolehi oleh belia-belia menerusi persatuan masing-masing. Dengan cara ini manakala mereka tamat daripada pengajian, ramailah mereka ini menyertai pertubuhan-pertubuhan belia ini.

PERUSAHAAN BIJIH BESI DI TERENGGANU

6. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan benarkah kenyataan Kerajaan Negeri Terengganu baru-baru ini bahawa perusahaan bijih besi di Bukit Besi akan dibuka semula dan sejauh ini bilakah projek itu akan dilaksanakan dan apakah usaha Kerajaan Pusat bagi menjayakan perusahaan ini.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini bahawa kemungkinan penubuhan semula perusahaan bijih besi di Bukit Besi, Terengganu sebenarnya adalah masih lagi berada di peringkat kajian. Kajian tersebut akan dimulakan pada pertengahan bulan Disember 1989 dan dijangka akan memakan masa selama tiga bulan termasuk penulisan laporan untuk menentukan sama ada projek tersebut mempunyai daya maju ataupun tidak. Oleh itu, adalah terlalu awal untuk menyatakan tarikh pelaksanaan projek tersebut jika ianya berdaya maju serta bentuk-bentuk penglibatan Kerajaan Persekutuan.

MAJLIS MAULIDUR RASUL DI KEDUTAAN MALAYSIA

7. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kedutaan-kedutaan Malaysia dan pegawai-pegawainya yang beragama Islam mengadakan majlis agama seperti Majlis Maulidur Rasul dan majlis agama selain dari menyambut Hari Raya dan lain-lain majlis agama.

Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kelaziman bagi Kedutaan-kedutaan Malaysia dan pegawai-pegawainya semasa bertugas di luar negeri mengadakan pertemuan-pertemuan atau majlis sesama sendiri, selain daripada mengadakan majlis-majlis kerajaan rasmi yang mana melibatkan jempunan-jempunan luar. Pertemuan atau majlis yang diadakan sesama sendiri adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silatul-rahim, semangat setiakawan dan kekeluargaan. Ini termasuklah pertemuan atau majlis seperti majlis muhibah, kenduri-kendara, majlis hari jadi dan lain-lain yang melibatkan semua kakitangan dari berbilang kaum dan agama yang bertugas dalam satu Kedutaan. Begitu juga dengan majlis-majlis agama di mana Kedutaan dan pegawai-pegawai Islamnya tidak ketinggalan untuk meraikannya seperti majlis menyambut Hari Raya, tahlil dan majlis Maulidur Rasul. Walau bagaimanapun, bagi majlis seperti ini disambut diadakan di Kedutaan di mana terdapat ramai pegawai-pegawai Islam atau komuniti rakyat Islam termasuk pelajar-pelajar Islam Malaysia di tempat itu. Ada kalanya juga pegawai-pegawai Islam dari Kedutaan kita, misalnya di Brazil dan Switzerland, menyambut majlis-majlis ini bersama-sama dengan diplomat-diplomat asing yang beragama Islam dari negara-negara seperti Indonesia, Saudi Arabia, Iraq, Pakistan, Bangladesh dan lain-lainnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Kementerian meletakkan pegawai-pegawai daripada Jabatan Agama Islam di setiap Kedutaan kita di negara-negara yang mempunyai Kedutaan kita di sana? Kalau ada diletakkan, adakah program penerapan nilai-nilai Islam dijalankan? Sebagai contoh, kiamulail umpamanya dijalankan untuk pegawai-pegawai dan juga penuntut-penuntut di seberang laut?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk Kerajaan. dan juga Kementerian Luar Negeri dan lain Kementerian untuk menempatkan pegawai-pegawai yang berpengetahuan yang begitu mendalam dalam agama di semua Kedutaan-kedutaan yang kita ada di luar negeri. Cuma Kedutaan-kedutaan yang benar-benar seperti di London, Washington, Sydney, Wellington dan juga Jakarta, di mana pegawai-pegawai yang berpengalaman, dan pengetahuan dalam agama ditempatkan di Kedutaan-kedutaan yang berkenaan. Namun begitu, sedikit sebanyak mana Kedutaan-kedutaan kecil kita ada juga pegawai-pegawai yang terdiri agama Islam yang kita cuba bimbingkan untuk membolehkannya mereka memimpin keluarga Islam yang lain yang ada di Kedutaan dan di kawasan yang berkenaan. Jadi, untuk perkara ini pada masa ini hanya Kadutaan yang besar-besar sahaja.

FELDA - SURAT HAKMILIK PENEROKA

8. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa ramai peneroka FELDA yang telah memperolehi hakmiliknya sendiri dan bagaimanakah proses pemindahan milik ini dilakukan oleh Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang seramai 9,185 orang peneroka telah diberi surat hakmilik iaitu dalam 47 Rancangan FELDA. Cara mendapat hakmilik ialah FELDA mengemukakan kepada Kerajaan Negeri permohonan hakmilik individu bagi peneroka—peneroka yang telah menjelaskan pembayaran kembali kos pembangunan. Permohonan ini pada mulanya diedarkan kepada Pejabat Tanah Daerah dalam kawasan FELDA yang berkenaan ataupun EELDA yang terletak di dalam kawasan Pejabat Daerah berkenaan dan kemudian permohonan itu diedarkan pula kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk mendapat proses kelulusan Kerajaan Negeri seterusnya.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu apakah ada sekatan-sekatan pindah milik yang boleh menghalang kepada pemindahan milik dibuat dengan sewenang-wenangnya oleh para peneroka-peneroka?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Petua, pada lazimnya tidak ada sekatan-sekatan. Sekiranya ada masalah, selalunya masalah yang ada kaitan hubungan antara suami dan isteri, itu sahaja. Kalau umpamanya, si isteri itu katalah sudah bercerai dan seseorang peneroka itu mungkin ada pula lebih daripada seorang isteri ataupun isteri itu yang sudah bercerai kemudian berkahwin balik ataupun lepas bercerai mereka merujuk semula. Jadi, inilah masalah-masalahnya. Tetapi setelah mereka membayar pinjaman selalunya kalau tidak ada masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, hakmilik akan menyusul.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya pindah milik ataupun penjualan kepada individu yang tertentu, bukan maksud suami isteri.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Partua, soal pindah milik menerusi jualan ini ada terdapat syarat nyata yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri yang diterapkan ke atas hakmilik-hakmilik yang disebutkan tadi. Kalau ada kebenaran daripada Kerajaan Negeri, jadi segala-galanya akan beres.

CUKAI IMPORT KE ATAS UBAT-UBATAN

9. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa cukai import akan dikenakan ke atas ubat-ubat yang diimport dari Negeri China.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa apabila Kerajaan mengenakan apa-apa cukai ke atas barang-barang yang diimport, pengenaan itu akan melibatkan semua pengimportan tidak kira dari mana-mana negara pun. Berikut dengan itu, adalah tidak benar bahawa cukai import akan dikenakan ke atas ubat-ubatan yang diimport dari Negeri Cina.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan, Menteri Kewangan ada terdapat tempat mencipta ramuan ataupun ubat-ubat di Malaysia ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kurang jelas maksud dia, Tuan Yang di-Pertua - mungkin maksud dia ialah maksud tempat kilang. Saya fikir memang ada, Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang ataupun tempat untuk membuat ubat-ubatan ini, sebab yang selalu diimport itu adalah bahan utama untuk membuat ubat, maka dibancuh di sinilah.

PROJEK LEBUHRAYA IPOH / SLIM RIVER

10. Dato' Azumu bin Tak minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah projek Lebuhraya Ipoh/Slim River dan Ipoh/Butterworth akan bermula dan dijangka siap.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan projek Lebuhraya Ipoh/Slim River dijangka bermula pada 1hb Februari, 1990 dan dijadualkan siap keseluruhannya pada akhir 1993. Bagi projek Lebuhraya Ipoh/Butterworth pula, pembinaannya bermula daripada Butterworth/Changkat Jering yang dijadualkan pada 1hb Ogos, 1990 dan dijangka siap pembinaannya keseluruhannya pada akhir 1993.

PELAJARAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

11. Dr. Ng Khok Kiung minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengapa Kementerian Pendidikan begitu mementingkan matapelajaran bahasa Inggeris dalam kurikulum sekolah;
- (b) adakah bilangan guru bahasa Inggeris mencukupi.
- (c) apakah pandangan Menteri mengenai taraf bahasa Inggeris sekarang di sekolah bandar dan sekolah-sekolah luar bandar.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua dan ini termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kedua, Kementerian Pendidikan telah berusaha untuk memastikan bahawa matapelajaran ini diajar dengan baik dan berkesan.

Kementerian Pendidikan menekankan pentingnya pelajar-pelajar menguasai bahasa Inggeris ini kerana masih banyak ilmu pengetahuan, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, tertulis dalam bahasa ini. Di samping itu, bahasa ini merupakan bahasa komunikasi antara-bangsa dan perdagangan. Maka untuk mengikuti perkembangan yang berlaku dengan pesatnya dalam bidang ilmu pengetahuan, ekonomi dan hal ehwal antarabangsa, bahasa ini perlu dikuasai dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru yang terlatih sepenuhnya dalam pengajaran bahasa Inggeris masih belum mencukupi. Masalah ini sedang diatasi dengan cara menambah pengambilan guru pelatih di peringkat sijil perguruan dan juga di peringkat ijazah. Langkah-langkah seterusnya ialah memberi kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris tetapi tidak mempunyai kelayakan dalam pengajaran bahasa tersebut. Untuk meningkatkan mutu

pengajaran, pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan kakitangan Pusat Sumber mengadakan kursus-kursus pendedahan kepada kakitangan sumber. Di peringkat sekolah pula, dengan izin, in house training diadakan di mana guru yang telah mendapat pendedahan menjalankan kursus di peringkat sekolah.

Pada amnya memang terdapat perbezaan dalam pencapaian bahasa Inggeris di antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar. Pelajar-pelajar luar bandar didapati cekap di segi penerimaan, seperti membaca dan mendengar, tetapi lemah di segi memberi pendapat, bertutur dan menulis. Sebaliknya pelajar-pelajar di bandar, di samping menguasai kemahiran membaca dan mendengar, dapat menguasai kemahiran bertutur. Walau bagaimanapun, penguasaan kemahiran menulis masih belum memuaskan.

Perkara ini wujud terutamanya kerana keadaan latar belakang dan suasana yang berbeza di antara bandar dan luar bandar.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya, dalam beberapa tahun yang lalu pernah diadakan satu program membawa guru-guru bahasa Inggeris khas daripada England kerana sebagai salah satu usaha Kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan pembelajaran bahasa Inggeris. Apakah yang telah terjadi dengan program ini dan berapa ramai guru-guru itu yang telah didatangkan ke sini dan apakah kesannya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan bilangan guru-guru yang didatangkan ke sini, tetapi satu cadangan baru-baru ini sudah dibincangkan di Kementerian ini bahawa kita akan menambahkan perlantikan ataupun pengambilan guru-guru pakar bahasa Inggeris dari luar negeri untuk mengajar di sekolah-sekolah dan maktab-maktab perguruan di negara kita.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai peningkatan taraf bahasa Inggeris di sekolah, salah satu langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan ialah dengan setakat mempelajari dua buah buku sastera bahasa Inggeris setahun. Sejauh manakah langkah itu berjaya dan adakah buku-buku sastera bahasa Inggeris tambahan ada dicadangkan mencukupi?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, disebabkan oleh murid-murid di sekolah kita itu belum dapat menguasai sepenuhnya bahasa Inggeris, maka dengan sebab itulah kita tidak perlu membebankan kepada mereka untuk membaca lebih banyak buku sastera Inggeris. Kita akan menambahkan buku sastera bahasa Inggeris selepas kita berpuas hati apabila didapati prestasi mereka sudah sampai kepada satu tahap bahawa mereka dapat membaca atau memahami sastera-sastera Inggeris yang lebih mendalam.

Dato' Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Berkenaan dengan kekurangan guru-guru bahasa Inggeris, adakah Kerajaan merancang untuk mengambil balik guru-guru yang telah mengajar di sekolah-sekolah Inggeris dahulu yang pada masa ini telah bersara oleh kerana guru-guru itu adalah berkelayakan, berpengalaman dan mengetahui banyak latar belakang murid-murid di negara kita ini lebih baik daripada guru-guru yang diambil daripada England pada masa sekarang?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil untuk menambah guru-guru bahasa Inggeris seperti pada tahun hadapan (1990), tambahan guru bahasa Inggeris ialah 586 orang dan butiran-butirannya adalah seperti berikut:

- (1) Guru Siswazah pada tahun 1989, 1,045 orang sudah ditambah kepada 1,535 orang pada tahun hadapan; dan

- (2) Guru Bukan Siswazah 4,995 orang akan ditambah kepada 5,091 orang dan jumlah tambahan ialah seperti yang saya sebutkan 586 orang.

Berhubung dengan guru bahasa Inggeris yang sudah berpencen, Kementerian belum ada cadangan untuk mengambil mereka dan melantik semula, tetapi mereka boleh memohon menjadi guru sementara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu lagi soalan tambahan.
Puan Hajjah Rosnah,

Hajjah Rosnah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada terdapat guru-guru yang mengikuti kursus bahasa Inggeris dan tamat tetapi mereka tidak dibenarkan mengajar bahasa Inggeris, bahkan mengajar matapelajarana yang lain. Kenapakah terjadi begitu?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui perkara ini ada berlaku di beberapa buah sekolah. Ini adalah disebabkan guru-guru berkenaan itu bukanlah pakar untuk mengajar bahasa Inggeris, tetapi apabila mendapat latihan di universiti, mereka mengikuti kursus seperti geografi, sejarah ataupun matematik dan selepas mereka dihantar ke sekolah menengah itu, mereka diarahkan untuk mengajar geografi, sejarah atau matematik sahaja. Sekiranya mereka diminta atau diarahkan untuk mengajar bahasa Inggeris, ini bererti matapelajaran geografi, sejarah ataupun matematik itu akan menghadapi kekurangan guru dan ini satu masalah yang kita sedang kaji dan kita harap pada masa akan datang kita dapat mengatasi masalah ini.

PASPORT ANTARABANGSA - KEHILANGAN

12. Tuan C. Krishnan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes kehilangan pasport Antarabangsa setakat ini apakah tindakan yang akan diambil untuk mengelakkan penipuan seperti pasport digunakan oleh warganegara asing khususnya Negara India dan Sri Lanka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes kehilangan Pasport Antarabangsa Malaysia yang dapat dikesan seluruh negara dari tahun 1987 hingga Oktober 1989 ialah sebanyak 2,015 kes. Kerajaan tidak dapat mengambil langkah-langkah khusus untuk mencegah daripada pasport ini ditipu untuk kegunaan warganegara asing. Ini kerana penjagaan keselamatan dokumen tersebut adalah kewajipan pemegangnya dan Kerajaan tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan untuk menjamin keselamatan dokumen tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa dari masa ke semasa membuat penelitian dan semakan terhadap pasport-pasport yang dicurigakan, di pintu-pintu masuk negara ini dan seandainya terbukti tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa macam mana nasib 2,015 orang yang telah kehilangan Pasport Antarabangsa Malaysia. Saya difahamkan bahawa sesiapa pemegang Pasport Malaysia yang telah kehilangan pasportnya bahawa adalah sukar untuk mereka mendapatkan pasport yang baru. Lagi pun kalau mereka memohon dan membuat rayuan, Jabatan

Imigresen tidak akan memberikan pertimbangan. Adakah ini benar dan apakah cara supaya seseorang yang telah kehilangan Pasport Malaysia itu boleh dapat memperolehi sebuah buku Pasport Malaysia yang baru.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pemegang Pasport Antarabangsa Malaysia jikalau sekiranya berlaku kehilangan dan kecurian diminta untuk melaporkan secara rasmi dengan pihak Polis walau dimana sahaja. Dan dengan bukti itu kita boleh berwaspada terhadap pasport yang hilang itu dan pihak yang kehilangan pasport itu boleh memohon "Pasport Terhad" daripada pihak Imigresen iaitu bukan lima tahun tetapi setahun ke setahun. Dan ini pihak Imigresen tidak memilih sesiapa kerana pernah pada suatu masa bekas seorang Menteri kehilangan semua pasportnya iaitu isteri dan anak-anaknya di luar negeri dan pihak Imigresen telah memberi layanan serupa dengan orang lain,

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan di dalam 2,015 laporan Pasport Antarabangsa yang hilang, adakah Yang Berhormat mempunyai bilangan kaum; berapa kaum Cina, kaum Melayu; kalau tidak ada tidak apalah boleh jawab secara bersurat. Saya takut kerana soalan ini soalan spontan. Saya takut Yang Berhormat tidak ada bersiap. Cuma saya ingin tahu di dalam 2,015 pasport, pernahkah jabatan Imigresen dapat tangkap orang-orang yang menyamar dan menggunakan pasport-pasport orang yang telah melaporkan pasportnya yang hilang. Itu saya ingin tahu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Imigresen tidak sekali-kali mencerakinkan tentang bentuk atau kaum-kaum yang kehilangan pasport ini. Kita hanya mencatatkan siapa

sahaja kehilangan pasport; dengan sebab itu saya minta maaflah tidak dapat saya memberikan pecahan kaum.

Tentang berapakah yang telah ditangkap sejak tahun 1987 yang telah menggunakan pasport yang dicuri atau dipalsukan ini ialah seramai 76 orang.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan benarkah ada orang yang mempunyai dua Pasport Antarabangsa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Secara rasmi, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan ini dijawab, saya ingin membuat pembetulan di barisan keempat diakhir, yang berbunyi "...berkenaan kerana nelayan tidak" tambah "nelayan" sebelum "tidak". Dengan ini soalan No. 13.

PENANGKAPAN IKAN DI LAUT DALAM

13. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar bahawa semenjak rancangan penangkapan ikan di laut dalam dimulakan yang mendapat keuntungan hanyalah taukeh-taukeh atau tuanpunya-tuanpunya bot yang berkenaan kerana nelayan tidak mampu mengadakan bot-bot yang besar berserta dengan kelengkapannya, sedangkan nelayan tidak mendapat faedah daripada rancangan tersebut. Jika benar adakah Kerajaan bercadang memberi bantuan kepada nelayan-nelayan supaya mereka mempunyai bot sendiri dengan kelengkapan-kelengkapan menangkap ikan supaya rancangan menangkap ikan dilaut dalam dapat dinikmati oleh nelayan-nelayan. Jika tidak benar, apakah keuntungan yang diperolehi oleh nelayan-nelayan daripada rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pembetulan. Bagi jawapan, adalah tidak benar bahawa semenjak rancangan penangkapan ikan di laut dalam dimulakan pihak yang mendapat keuntungan hanyalah taukeh-taukeh atau pemilik bot berkenaan sahaja tanpa memberi faedah kepada nelayan. Sebenarnya nelayan-nelayan juga menikmati faedah dari rancangan tersebut dari berbagai aspek seperti pemilikan bot, lesen, penyediaan latihan, pekerjaan dan sebagainya.

Dari jumlah 321 unit bot laut dalam yang telah dilesenkan dan yang sedang beroperasi ketika ini didapati 52% darinya atau 168 unit adalah dimiliki oleh golongan individu yang kebanyakannya terdiri dari nelayan tempatan. Di samping itu lesen tersebut juga dikeluarkan kepada Persatuan-persatuan Nelayan di negara ini seperti Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Persatuan Nelayan Negeri dan kawasan.

Oleh kerana perikanan laut dalam melibatkan modal yang besar dan kemampuan nelayan dari segi ini adalah terhad, dan untuk membolehkan mereka memiliki bot-bot sendiri maka Kementerian Pertanian melalui Bank Pertanian Malaysia telah menyediakan Skim Kemudahan Kredit dengan mengenakan syarat-syarat pinjaman yang ringan kepada nelayan-nelayan tersebut. Di samping itu Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah menyediakan berbagai latihan kepada nelayan seperti latihan peningkatan nelayan-nelayan pantai yang sedia ada dan tahap latihan tersebut adalah selaras dengan keupayaan mereka untuk mengendalikan bot-bot besar sesuai untuk penangkapan ikan di laut dalam.

Dalam pada itu latihan Angkatan Nelayan Laut Dalam juga telah diwujudkan khas untuk melatih rakyat tempatan bekerja di atas bot-bot laut dalam.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama tahniah kepada Kementerian berkenaan kerana memberikan jawapan yang diharap tepat dan sedang dilaksanakan. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah yang telah terjadi kepada kursus-kursus khas yang dijalankan, yang ada kaitannya dengan penangkapan ikan di laut dalam kepada mahasiswa atau siswazah-siswazah yang menganggur.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya latihan yang diberi oleh Kementerian melalui pusat latihan adalah bagi peserta yang telah pun menjadi nelayan tetapi untuk meningkatkan taraf ataupun skill mereka dalam penangkapan ikan dalam laut. Selain dari itu mahasiswa itu juga yang ingin menyertai dalam latihan juga diberi pertimbangan tetapi selepas mereka tamat latihan terpulanglah kepada mereka adakah mereka ingin menceburi dalam bidang perikanan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 36 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua**3.40 ptg.**

Menteri Kewangan [Dato' Paduka Daim Zainuddin]: Bismillahir-rahmani-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara pada masa ini masih lagi tinggi dan menggalakkan. Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK sebenar, dianggar meningkat sebanyak 7.6% dalam tahun 1989 selepas mencatat pertumbuhan yang tertinggi sebanyak 8.7% pada tahun 1988. Kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini dijangka akan meningkat lagi pendapatan purata rakyat Malaysia daripada \$5,065 pada tahun 1988 kepada \$5,477 pada tahun 1989.

Selain daripada dasar-dasar Kerajaan yang telah dilaksanakan sejak tahun 1985, faktor utama yang membolehkan negara kita mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan menggalakkan ialah peningkatan permintaan dari dalam dan luar negeri yang telah mendorong perkembangan pesat kegiatan-kegiatan ekonomi khususnya di dalam sektor perkilangan, pembinaan dan juga perkhidmatan. Sungguhpun jumlah eksport barangan utama dijangka meningkat secara sederhana, peningkatan eksport keluaran perkilangan adalah amat ketara dan membanggakan. Ini adalah kerana daya persaingan eksport

perkilangan Malaysia yang terus bertambah kompetitif di pasaran antarabangsa. Walaupun demikian, nilai import menunjukkan arah aliran peningkatan yang semakin bertambah pesat kesan daripada perkembangan ekonomi semenjak dari tahun 1987. Ini dijangka akan menjejaskan kedudukan imbalan pembayaran negara dalam tahun 1989.

Pelaburan swasta sedang berkembang dengan kadar yang menggalakkan. Tahap keyakinan para pelabur asing terhadap kemantapan dan prospek ekonomi Malaysia semakin kukuh. Ini jelas dengan pertambahan sebanyak 168% ekuiti asing dalam projek-projek yang diluluskan oleh MIDA dalam tahun 1988 dan pertambahan sebanyak 66% dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun 1989. Kejayaan ini juga adalah hasil daripada beberapa langkah melonggar dan mempermudah prosedur kelulusan pelaburan swasta, serta pengurangan cukai syarikat yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tahun 1989.

Kerajaan juga sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki dan memperkemaskan kemudahan infrastruktur awam, khususnya jalanraya dan pelabuhan, bagi membantu kegiatan pelaburan di kalangan sektor swasta. Antara projek-projek infrastruktur awam yang sedang dalam peringkat pembinaan termasuklah Projek Lebuhraya Utara-Selatan, pembinaan persimpangan bertingkat Jalan Lapangan-terbang Subang dan pembaikan perkhidmatan kontena di pelabuhan-pelabuhan utama negara. Ini adalah bertujuan bagi memenuhi kehendak sektor perkilangan yang semakin berkembang pesat.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan semakin kukuh dalam tahun 1989. Lebihan akaun semasa Kerajaan

dijangka meningkat kepada \$229 juta dalam tahun 1989 berbanding dengan \$155 juta pada tahun 1988. Ini adalah hasil daripada kejayaan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dari segi pungutan hasil dan cukai dan juga usaha jimat cermat yang berterusan.

Bagi tahun 1990, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih sederhana iaitu pada kadar 6.5%. Ini adalah kerana prospek pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara perindustrian yang agak perlahan, iaitu sebanyak 2.8%. Pertumbuhan yang perlahan ini akan menjejaskan perdagangan luar negeri Malaysia. Paras harga barangan utama, termasuk petroleum mentah, juga dijangka berkurangan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang lebih berkesan perlu diambil bagi menghadapi cabaran ekonomi dalam tahun 1990 dan berikutnya. Rakyat Malaysia perlu berusaha dengan lebih gigih lagi dan sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti keluaran negara selaras dengan kempen Gerakan Budaya Kerja Cemerlang yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Dalam hal ini pekerja-pekerja dari sektor awam dan juga swasta serta pihak pengurusan hendaklah bekerja dengan lebih kuat dan cemerlang bagi menghasilkan keluaran dan perkhidmatan negara yang mempunyai daya persaingan yang lebih kuat dan kompetitif di pasaran antara-bangsa. Kerajaan berharap rakyat akan bertambah sedar akan pentingnya negara mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan yang bermutu tinggi dan kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kestabilan politik dan keamanan negara juga adalah merupakan asas yang penting kepada

pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Keadaan politik negara yang lebih stabil menjadi daya tarikan kepada pelabur-pelabur untuk melabur dan menempatkan industri-industri mereka di Malaysia. Kestabilan politik kini menjadi lebih terjamin dengan termeterinya perjanjian perletakan senjata yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia, Thailand dan Parti Komunis Malaya baru-baru ini. Ini sudah pasti akan meningkatkan lagi keyakinan pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Oleh itu jangan pula ada golongan yang cuba mengancam keadaan yang stabil ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1990 adalah dirancang, berdasarkan kepada asas-asas ekonomi yang bertambah kukuh bagi membolehkan ekonomi negara kita menghadapi cabaran dalam tahun-tahun 1990an. Strategi Belanjawan 1990 mempunyai tiga unsur:

- Pertama - mengekalkan pertumbuhan ditahap yang tinggi;
- Kedua - mengawal kenaikan harga; dan
- Ketiga - meneruskan kawalan ke atas perbelanjaan awam.

Memandangkan perkembangan ekonomi dunia yang dijangka lebih sederhana pada awal tahun 1990an, Kerajaan akan berusaha untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahap yang tinggi. Ini termasuklah memperkukuh dan meluaskan lagi asas-asas pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Di samping terus memberi penekanan terhadap pembangunan sektor-sektor pertanian dan perkilangan, Kerajaan akan memperhebatkan usaha menggalakkan industri pelancongan di negara ini. Di dalam Belanjawan 1990 beberapa galakan cukai dan bukan-cukai telah diumumkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan lagi pembangunan industri pelancongan dan untuk menambah pelaburan dalam sektor ini.

Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat telah memberi tekanan ke atas paras harga barangan keperluan. Dalam tahun 1989 Angka tunjuk Harga Pengguna Malaysia dijangka meningkat kepada 4% berbanding dengan 2.5% pada tahun 1988. Walaupun paras kenaikan harga ini masih lagi sederhana, Kerajaan sentiasa megawasi keadaan ini dari semasa ke semasa supaya pendapatan sebenar rakyat tidak terjejas. Langkah-langkah untuk mengawal tekanan inflasi perlulah mendapat kerjasama dan sokongan dari segenap lapisan masyarakat.

Kedudukan kewangan Kerajaan secara keseluruhannya semakin bertambah baik kesan daripada peningkatan jumlah hasil dan dasar jimat cermat yang diamalkan oleh Kerajaan. Jumlah perbelanjaan yang dijangka untuk tahun 1990, menunjukkan pertambahan sebanyak 11% berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1989. Tambahan ini adalah perlu dan sesuai untuk memenuhi keperluan mengurus Kerajaan, serta menyediakan perbelanjaan pembangunan yang sewajarnya bagi memajukan asas pengeluaran ekonomi negara. Walaupun perbelanjaan bertambah, dasar jimat cermat dan pengawalan ke atas perbelanjaan awam akan

diteruskan oleh Kerajaan bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan 1990 ini, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah untuk menambah pelaburan dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Selaras dengan ini beberapa langkah cukai dicadangkan dalam Belanjawan ini.

Di dalam Belanjawan 1989, saya telah mengumumkan bahawa cukai pembangunan sebanyak 5% akan dimansuhkan secara beransur-ansur. Sekarang, saya bercadang mengurangkan cukai pembangunan dari 5% kepada 4% mulai tahun taksiran 1990. Pengurangan ini adalah untuk individu dan juga syarikat. Pemansuhan cukai pembangunan beserta dengan kadar cukai syarikat yang telah dikurangkan kepada 35% dalam Belanjawan lalu, akan menjadikan kadar cukai di Malaysia lebih kompetitif.

Untuk mengadakan sistem gaji yang, dengan izin, flexible, di mana prestasi yang baik diberi ganjaran sewajarnya, saya cadangkan supaya sekatan ke atas bonus dimansuhkan mulai tahun taksiran 1990. Walau bagaimanapun, bagi memastikan majikan tidak mengambil peluang membayar gaji yang terlalu rendah kepada pekerja dengan tujuan mengurangkan sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), saya cadangkan supaya semua bonus tertakluk kepada sumbangan KWSP. Cadangan ini akan berkuatkuasa selepas pindaan dibuat ke atas takrif pendapatan di bawah Akta KWSP.

Kerajaan telahpun mengenalpasti industri pelancongan sebagai salah satu sektor utama di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Selaras dengan itu, beberapa galakan telah disediakan bagi membangunkan sektor ini. Untuk menggalakkan lagi pembangunan industri pelancongan, dan untuk menambah pelaburan dalam sektor ini, saya mencadangkan langkah-langkah berikut:-

- (i) potongan dua kali diberi kepada pengusaha hotel dan operator pelancongan bagi perbelanjaan tertentu ke atas usaha-usaha promosi di luar negeri;
- (ii) potongan dua kali diberi bagi perbelanjaan ke atas latihan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk mempertingkatkan tahap kemahiran dan profesionalisma dalam industri pelancongan;
- (iii) semua kereta mewah yang dipasang dalam negeri dan diguna dalam industri pelancongan dikecualikan dari duti import dan eksais. Pengecualian ini, berkuatkuasa mulai 27hb Oktober, 1989 hingga Disember, 1990 dan tertakluk kepada beberapa syarat tertentu;
- (iv) cukai perkhidmatan di Labuan dimansuhkan;
- (v) untuk menggalakkan pembinaan hotel-hotel kecil, had pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel-hotel dinaikkan dari enam buah bilik ke bawah kepada dua puluh-lima buah bilik ke bawah; dan .
- (vi) untuk menambahkan lagi bilangan barang-barang yang boleh dibeli oleh pelancong-pelancong tanpa cukai jualan, saya bercadang mengecualikan barang-barang pewter daripada cukai jualan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu lagi industri pembinaan, terutama sekali untuk perumahan kos rendah, saya mencadangkan supaya batu konkrit dan beberapa jenis kayu gergaji dikecualikan dari cukai jualan. Adalah diharapkan tindakan ini akan mengawal kenaikan harga dalam sektor pembinaan.

Industri berasaskan rotan dan kayu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sektor perkilangan, peluang pekerjaan dan pendapatan pertukaran asing. Untuk mengurangkan eksport rotan dan kayu balak serta bagi mewujudkan permintaan tempatan dan lebih banyak peluang pekerjaan, pelaburan dalam aktiviti hiliran perlulah digalakkan, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Selaras dengan ini, saya cadangkan tambahan galakan kepada industri berasaskan rotan dan kayu seperti berikut:-

- (i) lanjutan taraf perintis selama lima tahun akan diberikan kepada pengilang perabot dan komponen perabot dari rotan dan kayu walaupun mereka tidak memenuhi kriteria semasa mengenai modal dan tenaga pekerja untuk mendapat lanjutan taraf perintis; dan
- (ii) pada masa ini, syarikat yang mengilang komponen perabot dari rotan dan kayu layak mendapat galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, jika mereka mengeksport 80% atau lebih daripada keluaran mereka. Sekarang, saya cadangkan syarikat yang mengeksport 60% atau lebih daripada komponen keluaran perabot juga layak untuk mendapat galakan di bawah Akta ini, asalkan sekurang-kurangnya 51% daripada ekuiti syarikat dipegang oleh rakyat Malaysia.

Saya juga cadangkan galakan tambahan diberi kepada pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu di Sabah dan Sarawak seperti berikut:-

- (i) pada masa ini, pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu, tidak termasuk kayu gergaji dan veneer, untuk pasaran eksport sahaja yang layak mendapat galakan di

bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Galakan ini sekarang diperluaskan kepada pengilang yang mengeluarkan untuk pasaran tempatan;

- (ii) pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu, tidak termasuk kayu gergaji dan veneer, untuk pasaran eksport akan mendapat lanjutan taraf perintis selama 5 tahun tanpa perlu memenuhi kriteria semasa mengenai modal dan tenaga pekerja untuk mendapat lanjutan taraf perintis;
- (iii) , pada masa ini, pengecualian sepenuhnya duti import dan cukai tokok diberi ke atas bahan mentah atau komponen yang digunakan untuk mengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu untuk pasaran eksport. Kemudahan ini sekarang diperluaskan kepada pengilang bagi pasaran tempatan; dan
- (iv) pengilang yang mengeksport barang-barang berasaskan rotan dan kayu, kecuali kayu gergaji dan veneer, akan layak mendapat potongan cukai dua kali atas kos pengangkutan yang di tanggungnya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha-usaha untuk membangun pasaran modal, saya bercadang mengecualikan duti setem ke atas semua suratcara yang terlibat dalam urusan peringkat kedua bagi amanah unit saham dan hartanah. Langkah ini adalah selaras dengan pengecualian duti setem yang telah diberi bagi suratcara yang terlibat dalam urusan peringkat kedua bagi bon korporat.

Tuan Yang di-Pertua, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bertambah kukuh sejak pengumuman pemisahannya dari Bursa Saham Singapura (BSS) yang dibuat dalam Belanjawan 1990. Adalah jelas sentimen telah bertambah baik dengan nyata di mana jumlah dagangan dan harga-harga saham adalah lebih tinggi. Pemisahan di antara BSKL dan BSS tidak

menjejaskan sentimen di BSKL. Sebaliknya, keyakinan terhadap BSKL bertambah baik. Masa depan BSKL adalah cerah dan pemisahan ini akan membolehkan BSKL terus berkembang sebagai sebuah bursa saham yang terkemuka di rantau ini.

Keputusan Kerajaan untuk memisahkan kedua-dua pasaran saham telah dibuat selepas kajian-kajian dan penelitian-penelitian yang rapi dengan mengambilkira pandangan-pandangan dan perakuan-perakuan daripada Pasukan Petugas untuk mengkaji semula pasaran Modal Malaysia yang dianggotai oleh wakil-wakil sektor swasta termasuklah pakar-pakar ekonomi dan pihak Kerajaan.

Adalah dijangkakan bahawa pemisahan BSKL dari BSS akan memberi lebih peluang perniagaan dan juga pekerjaan, terutamanya dalam syarikat-syarikat broker saham di dalam negara kita. Justeru itu, broker saham, pengurus-pengurus dana dan lain-lain para profesional yang bergiat dalam pasaran modal perlulah membuat persediaan-persediaan sewajarnya supaya mereka bukan sahaja dapat bersaing dengan syarikat-syarikat broker saham dan para profesional di negara-negara asing, malah berupaya untuk memainkan peranan yang lebih aktif ke arah mewujudkan BSKL sebagai pusat utama perniagaan sekuriti syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal kenaikan harga, langkah-langkah perlulah diambil bagi meningkatkan bekalan barang-barang tertentu melalui persaingan yang lebih besar di antara pengeluaran dalam negeri dan import. Oleh itu, saya cadangkan duti import, cukai jualan, cukai tokok dan duti eksais ke atas beberapa jenis barang diturunkan. Ini termasuklah:-

- (i) barang-barang makanan seperti sayur-sayuran, rempah, daging-dan margerin;
- (ii) import yang digunakan dalam sekor pertanian seperti bajas dan bahan-bahan yang digunakan dalam mengeluarkan barang-barang makanan seperti jus dan lemak anhydrous; dan
- (iii) barang-barang keperluan rumahtangga termasuk sabun, syampu, peralatan memasak, kipas angin dan periuk nasi elektrik.

Di samping itu, saya juga mencadangkan perkara-perkara berikut:-

- (i) duti import ke atas komponen CKD bagi lori dan bas dihapuskan;
- (ii) komponen CKD bagi kereta sewa dan teksi yang mempunyai keupayaan selinder 2,000 c.c. dan ke atas dikecualikan dari duti, import mulai 27hb Oktober 1989 hingga 31hb Disember 1990;
- (iii) duti eksais ke atas motosikal tidak melebihi 250 c.c dikurangkan dari 20% kepada 10%;
- (iv) bayaran pindah hakmilik ke atas kenderaan bermotor dan individu kepada syarikat dikurangkan daripada \$300 kepada \$100;
- (v) cukai jalan bagi motosikal di antara 250 c.c. hingga 500 c.c. dikurangkan daripada \$150 ringgit kepada \$100 manakala bagi motosikal melebihi 500 c.c, dikurangkan daripada kadar ad valorem kepada \$130 setahun; dan
- (vi) cukai jalan bagi bas dan lori yang dipunyai oleh sekolah latihan metnandu dikurangkan daripada kadar ad valorem kepada \$600 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan sukan adalah penting bagi melahirkan warganegara yang lebih sihat dan cergas. Negara mampu mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang sukan seperti yang ditunjukkan dalam Sukan SEA baru-baru ini. Bagi menggalakkan perkembangan sukan, saya bercadang menghapuskan duti import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas beberapa alat sukan. Di samping itu, hadiah wang tunai yang diterima oleh ahli-ahli sukan, dalam dan luar negeri, akan dikecualikan dari cukai pendapatan. Langkah ini diharap akan menggalakkan lebih banyak pertandingan antarabangsa diadakan di negara kita dan seterusnya dapat juga melahirkan lebih ramai ahli sukan terkemuka dari kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu industri perumahan dan juga kakitangan awam memiliki rumah sendiri, syarat-syarat skim pinjaman perumahan Kerajaan telah dilonggarkan.. Syarat-syarat baru yang telah diumumkan ialah:-

- (i) penurunan had umur pemohon daripada 30 tahun kepada 25 tahun;
- (ii) pinjaman perumahan suami/isteri secara berasingan kini dibenarkan;
- (iii) pinjaman daripada bank dan institusi kewangan boleh dipindahkan kepada pinjaman dengan Kerajaan; dan
- (iv) pinjaman suami/isteri yang meninggalkan perkhidmatan boleh diambilalih.

Perbendaharaan Malaysia telahpun mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 14 tahun 1989 kepada pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun bagi tujuan melaksana dan menyelaraskan perubahan syarat-syarat yang disebutkan tadi.

Ramai kakitangan Kerajaan terutama sekali yang berpendapatan rendah sudahpun mula menggunakan peluang kelonggaran syarat pinjaman perumahan tersebut. Kelonggaran ini akan meningkatkan permintaan terhadap rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dan sektor swasta serta membantu pemulihan industri perumahan di negara kita.

Saya dukacita melihat tanda-tanda pemaju perumahan yang telah mengambil kesempatan menaikkan harga rumah sejak syarat-syarat baru pinjaman perumahan diumumkan. Tujuan kita melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan ialah untuk membantu pemaju-pemaju perumahan. Nampaknya, mereka telah ambil kesempatan dari niat baik Kerajaan. Saya harap pembeli akan mengambil tindakan dengan menangguhkan pembelian rumah. Dengan cara ini sahajalah pemaju akan menurunkan harga.

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kedudukan kewangan Kerajaan telah bertambah baik. Bagi tahun 1990, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada \$24,589 juta atau 3% melebihi anggaran hasil tahun 1989 sebelum mengambilkira perubahan cukai. Selepas mengambilkira kehilangan hasil berjumlah \$194 juta berikutan dari pemansuhan dan pengurangan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan ini, akaun semasa dijangka menunjukkan lebih sebanyak \$247 juta.

Selaras dengan strategi Belanjawan 1990, jaya mencadangkan sejumlah \$33,405 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1990. Dari jumlah ini sebanyak \$24,148 juta atau 72 peratus ialah untuk perbelanjaan mengurus, manakala \$9,257 juta atau 28 peratus ialah untuk perbelanjaan pembangunan. Belanjawan tahun 1990 yang dicadangkan ini adalah merupakan tambahan sebanyak \$3,241 juta atau 11 peratus daripada peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1989. Pertambahan perbelanjaan ini adalah dibuat setelah mengambilkira keperluan perbelanjaan mengurus Kerajaan serta keperluan untuk menampung perbelanjaan—perbelanjaan bagi pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kelima.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1990 adalah sebanyak \$24,148 juta iaitu bertambah sebanyak \$1,863 juta atau kira-kira 8 peratus jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1989. Sajumlah besar daripada pertambahan ini ialah untuk keperluan perbelanjaan tambahan bagi bayaran balik hutang negara, emolumen, perkhidmatan, bekalan dan perolehan aset. Penekanan yang lebih adalah diberi untuk meningkatkan perkhidmatan sosial dengan memperuntukan sebanyak \$6,844 juta atau 28 peratus dari perbelanjaan mengurus 1990. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang di bawah Perkhidmatan Pendidikan sebanyak \$4,781 juta, Perkhidmatan Kesihatan sebanyak \$1,298 juta, Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat sebanyak \$375 juta dan Penerangan dan Penyiaran sebanyak \$224 juta.

Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan yang lebih untuk tujuan menyelenggara dan membeli aset di mana pada tahun-tahun lepas peruntukan bagi tujuan ini telah dikurangkan dengan ketara, memandangkan kedudukan kewangan pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1990 ialah sebanyak 59,257 juta iaitu bertambah sebanyak \$1,378 juta atau 18 peratus daripada peruntukan asal 1989. Peruntukan terbesar adalah diberikan bagi Sektor Ekonomi iaitu sebanyak \$5,214 juta atau 56 peratus daripada keseluruhan peruntukan pembangunan 1990. Peruntukan tersebut adalah sejajar dengan dasar dan strategi pembangunan Kerajaan bagi menentukan pertumbuhan ekonomi negara sentiasa dapat dikekalkan di tahap yang tinggi. Sektor Sosial pula diberikan peruntukan sebanyak 32,656 juta atau 29 peratus, Sektor Keselamatan diperuntukkan sebanyak \$724 juta atau 8 peratus, manakala Sektor Pentadbiran Am diperuntukkan sebanyak 3262 juta atau 3 peratus daripada jualan peruntukan perbelanjaan pembangunan 1990. Kira-kira dua pertiga dari jumlah peruntukan pembangunan adalah untuk luar bandar,

Memandangkan tahun 1990 ialah tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima, tumpuan peruntukan perbelanjaan pembangunan tahun 1990 ialah untuk menyiapkan projek-projek yang sedang dilaksanakan. Belanjawan ini juga menitikberatkan pembangunan kemudahan infrastruktur bagi mengurangkan halangan-halangan yang tardapat ke atas keupayaan infrastruktur. Kerajaan akan melaksanakan sejumlah 126 projek dalam tahun 1990 bagi memperbaiki dan menambahkan kemudahan infrastruktur yang ada serta juga membina kemudahan-kemudahan baru untuk memenuhi kehendak sektor

perindustrian yang berkembang. Sejumlah 32,858 juta telah diperuntukkan untuk projek-projek infrastruktur tersebut, yang meliputi projek-projek di kawasan bandar, dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan terbeaar di bawah Sektor Ekonomi ialah bagi Pengangkutan, iaitu sebanyak 51,959 juta atau 21 peratus daripada keseluruhan anggaran perbelanjaan pembangunan 1990. Peruntukan yang besar ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur yang lebih baik termasuk, menaikkan taraf dan memperbaiki jalanraya di seluruh negara.

Peruntukan pembangunan yang besar juga disediakan bagi Pertanian, iaitu sebanyak \$1,693 juta atau 18 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan 1990. Peruntukan bagi pertanian adalah untuk pembangunan tanah, pemulihan dan penyatuan tanah terbiar serta tanaman semula getah, subsidi padi dan pembangunan pertanian bersepadu. Peruntukan yang besar bagi sektor pertanian adalah memandangkan sumbangan yang penting sektor ini kepada ekonomi negara dari segi gunatenaga, pendapatan eksport dan kepada KDNK.

Peruntukan sebanyak \$1,623 juta adalah disediakan bagi pendidikan. Peruntukan ini adalah untuk menyiapkan projek-projek di bawah Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik bagi memajukan sistem pendidikan di negara ini. Pada akhir tahun 1990, Kerajaan dijangka dapat menyiapkan sejumlah 4,430 projek sekolah di bawah Program Pendidikan Rendah, yang meliputi pembinaan 10,163 bilik darjah. Bagi Program Pendidikan Menengah pula, 3,008 projek sekolah, yang melibatkan pembinaan sebanyak 13,411 bilik darjah sedang dilaksanakan. Selain

dari itu, peruntukan juga disediakan, bagi Program Sokongan Pendidikan, seperti pembinaan asrama, termasuk asrama desa, rumah guru luar bandar, bantuan pendidikan khas, kemudahan sukan, serta kerja-kerja membaikpulih atau ubahsuai, bangunan-bangunan sekolah yang lama.

Bagi membantu golongan termiskin, \$68 juta disediakan dalam tahun 1990, bagi memberi bantuan langsung menerusi projek-projek penempatan semula industri kampung, dan pertanian, dengan izin, "in-situ".

Bagi meneruskan usaha Kerajaan untuk menyediakan peluang-peluang perniagaan yang lebih kepada masyarakat di kawasan luar bandar khususnya kepada golongan termiskin untuk melibatkan diri dalam perniagaan kecil, Kerajaan juga akan mengadakan peruntukan bagi membiayai Projek Ikhtiar di seluruh negara. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan mereka dengan cara menyediakan pinjaman tanpa faedah bagi perniagaan kecil, yang boleh menambahkan pendapatan keluarga. Kerajaan sedia menambahkan peruntukan untuk Projek Ikhtiar, jika perlu.

Sukalah dimaklumkan bahawa Kerajaan akan terus memberi peruntukan yang besar untuk memperbaiki kemudahan infrastruktur asas di kawasan luar bandar seperti pembinaan dan pembaikan jalan-jalan luar bandar, bekalan elektrik dan air. Bagi tujuan ini, \$1,144 juta akan diperuntukkan dalam tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa keselamatan negara adalah penting bagi menjarain supaya segala usaha pembangunan yang telah dijalankan oleh Kerajaan adalah terpelihara dan kedaulatan negara dapat dipertahankan. Selaras dengan ini sebanyak

\$725 juta dalam tahun 1990 untuk keselamatan.

Industri pelancongan semakin memainkan peranan penting sebagai sumber gunatenaga dan pendapatan negara. Untuk menggalakkan pembangunan industri pelancongan, peruntukan khas sebanyak \$92 juta telah disediakan iaitu \$46 juta dalam tahun 1989 dan bakinya untuk dibelanjakan bagi menjayakan program-program galakan pelancongan khususnya Tahun Melawat Malaysia 1990.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkembangan dalam ekonomi dunia termasuk kadar pertumbuhan yang dijangka perlahan sedikit, pembentukan kumpulan-kumpulan serantau dan dasar perlindungan akan terus memberi cabaran terhadap pengurusan ekonomi negara kita. Oleh itu kita perlu bersedia menghadapi cabaran-cabaran yang ditimbulkan oleh perkembangan ini. Belanjawan 1990 merupakan salah satu alat bagi menyediakan negara untuk menghadapi cabaran-cabaran itu. Kita perlu terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mempelbagaikan asasnya serta meningkatkan lagi daya saing ekonomi kita. Oleh itu rakyat Malaysia hendaklah berusaha dengan gigih, memupuk budaya kerja cemerlang, meningkatkan kecekapan dan mutu pengeluaran, supaya proses pertumbuhan ekonomi dapat diteruskan. Di samping itu, kita harus memastikan keadaan politik dan keselamatan negara terus terjamin. Jika rakyat jelata bersatu padu dan menyokong Kerajaan yang dipilih, saya yakin kita akan mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan. Insya Allah .

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Husaein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah

di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Tuan Tiong Hiew King untuk-memulakan perbahasan.

4.09 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-Undang bemama suatu Akta bagimenggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk prkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun Itu yang dibentangkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum pada tahun 1985 dan 1986, kita mengalami kesusahan yang teruk akibat kemerosotan ekonomi antarabangsa, berikutan langkah-langkah tegas yang diambil oleh Kerajaan kita untuk memulihkan ekonomi negara samentak tahun 1987 ekonomi negara berkembang pesat. Dengan itu kedudukan kewangan Kerajaan pun bertambah kukuh dan rakyat kita juga telah dapat menikmati pendapatan serta taraf hidup yang lebih tinggi.

Memandangkan pertumbuhan ekonomi negara adalah berhubungan erat dengan keadaan ekonomi dunia, maka kita harus berhati-hati supaya kegiatan ekonomi kita terus menggalakkan. Oleh **itu**, Yang Berhormat Menteri Kewangan pun dalam Ucapan Belanjawaa tahun 1990 beliau telah mengemukakan strategi Belanjawan dan langkah-langkah untuk mengekalkan pertumbuhan di tahap yang **tinggi**, meninggikan lagi taraf hidup serta mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

Belanjawan tahun 1990 yang dibentangkan itu tidak membebankan rakyat berpendapatan rendah dan mendapat sambutan baik dari segenap lapisan masyarakat. Tindakan-tindakan yang sedang diambil dan juga akan dijalankan sepertimana yang dinyatakan dalam Belanjawan itu menunjukkan kesungguhan dan hasrat Kerajaan untuk mengukuhkan proses pengembangan ekonomi dengan terus menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan serta mengawal kadar inflasi. Usaha Kerajaan ini haruslah dipuji dan rakyat segenap lapisan hendaklah memberi kerjasama penuh dengan menceburi **diri** ke dalam segala aktiviti ekonomi, meningkatkan lagi kecekapan pengeluaran dan daya persaingan hasil di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa deni untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, Yang Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan beberapa langkah tambahan dalam Belanjawan ini. Saya mengalu-alukan cadangan itu. Walau bagaimanapun saya ingin menyentuh beberapa perkara.

Pertama mengenai pelaburan. Pelaburan swasta yang tinggi adalah penting dan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi

sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, pertumbuhan ekonomi yang pesat adalah penting untuk menambahkan pendapatan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan maka itu pelaburan perlu dipertingkatkan lagi. Menurut statistik Kerajaan, pelaburan swasta khususnya pelaburan asing telah meningkat dengan pesat setelah Kerajaan mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki iklim pelaburan. Tetapi pelaburan dalam negeri walaupun mula meningkat tetapi masih kurang menggalakkan. Kenapa boleh menjadi begini. Saya harap Kerajaan akan adakan satu penyelidikan mendalam terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah bahawa Kerajaan telah insaf akan kepentingan dan keperluan peningkatan pelaburan. dalam negeri bagi pertumbuhan ekonomi yang stabil dan lebih kukuh dalam jangka panjang. Demi untuk menyemaikan keinsafan tersebut menjadi kenyataan dan menterjemahnya ke dalam amalan, Kerajaan hendaklah selain langkah-langkah yang dicadangkan dalam Belanjawan itu menggalakkan sektor swasta dalam negeri dengan memperbaiki proses dan menyediakan syarat pelaburan serta galakan menarik yang sama sepertimana yang diberikan kepada pelabur asing. Dengan demikian sektor swasta dalam negeri akan saya yakin berusaha menambah pelaburan dan memperluas skop pelaburan mereka.

Kedua, kemudahan-kemudahan hendaklah disediakan pada kos yang berpatutan bagi pelabur-pelabur atau pengusaha-pengusaha dalam negeri yang ingin meluaskan skop perusahaannya atau mengembangkan perindustrian lainnya, mudahlah mereka dapatkan pinjaman dengan kadar bunga yang rendah dari bank-bank atau institusi-institusi

kewangan bagi membiayai projek-projek perusahaan mereka. Selain itu, bank-bank atau institusi-institusi kewangan harus bersikap membantu terutama ketika kedudukan kewangan syarikat kurang baik berikutan kemelesetan ekonomi, mereka tidak berupaya membayar balik pokok secara ansuran, jika lagi mereka dikenakan denda berat bahkan dipaksa membayar balik, kalau begitu tentulah ketara akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya hendak mengesyorkan bahawa bukan sahaja kemudahan-kemudahan pinjaman disediakan pada kadar bunga yang berpatutan, bahkan bank-bank atau institusi-institusi kewangan hendaklah melonggarkan syarat-syarat pinjaman bagi membantu pengusaha-pengusaha mengatasi kesusahan kewangan akibat kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga mengenai cukai-cukai langsung. Saya mengalu-alukan cadangan cukai pembangunan sebanyak 5% akan dimansuhkan secara beransur-ansur dan mulai tahun taksiran 1990 cukai pembangunan itu akan dikurangkan ke peratus setiap tahun tetapi kadar cukai pendapatan syarikat dan nisbah cukai pendapatan individu masih tetap. Kadar cukai pendapatan syarikat sebenarnya harus dikurangkan lagi supaya menggalakkan lebih banyak pelaburan dan pelaburan semula. Dengan peningkatan kadar pengecualian cukai pendapatan individu akan boleh menggalak pekerja-pekerja meningkatkan daya pengeluaran mereka .

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan perkembangan industri kecil dan sederhana, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa galakan sukai dan skim pinjaman berkadar menarik memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh IKA. Kerajaan dalam Belanjawan ini akan memberi lagi bantuan untuk IKA dengan menubuhkan satu

kumpulan wang bantuan teknik IKA untuk menjalankan kajian kemungkinan penyelidikan dan pembangunan serta melaksanakan pembiayaan semula kredit eksport dan Skim Insurans Jaminan Kredlt Eksport untuk membantu menambahkan pengeluaran. Bagi eksport menerusi pemberian pembiayaan pada kadar yang bersaing, langkah-langkah tersebut hendaklah dijalankan betul-betul supaya pengusaha-pengusaha atau pengeksport-pengeksport IKA dapat bermanfaat dari kemudahan-kemudahan tersebut. Pencapaian di sektor itu tahun dahulu kurang memuaskan. Saya ingin mengesyorkan bahawa Kementerian atau Jabatan berkenaan harus menghantar pegawai-pegawai ke mana-mana untuk menyelaraskan skim-skim bantuan untuk IKA kepada pengusaha atau pengeksport kecil. Dengan itu diharap perkembangan IKA akan lebih pesat dan memberi sumbangan lebih besar kepada pertumbuhan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian masih tetap jadi asas ekonomi Malaysia. Oleh kerana itu Kerajaan terus menerus usaha-usaha pemodenan sektor pertanian dan perkembangan pertanian untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Selain itu salah satu maksud penting dari usaha ini ialah membasmi kemiskinan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun sejumlah besar perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk sektor pertanian. Bagi pembangunan tanah, pemulihan dan penyertaan tanah terbiar getah dan tanam semula getah, agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA dan RISDA ditugaskan menjalankannya di Semenanjung dan agensi-agensi itu pun melaksanakan projek-projek baru atau meneruskan yang sedia ada tetapi nampaknya

tidak banyak projek dijalankan di negeri Sarawak. Pada keseluruhannya Sarawak ketinggalan, penduduk-penduduk di luar bandar terutama di kawasan pedalaman masih hidup di bawah paras kemiskinan. Mereka perlu diberi bantuan lebih supaya mereka dapat berubah nasibnya dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam B.26, Kementerian Pendidikan, saya hendak menyentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai paruntukan untuk pembinaan bilik darjah dan membaik pulih atau mengubahsuai bangunan-bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di bawah program Pendidikan Rendah. Menurut, Akta Pendidikan 1961, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan adalah dianggap sebagai sekolah rendah bantuan penuh, tetapi nampaknya pada amalan kedua-dua sekolah tidak diberi layanan yang sama. Peruntukan subsidi atau pemberian bantuan untuk pembinaan bilik darjah atau membaikpulih bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan tidak sama dengan jumlah yang diberikan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, sebuah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Sibu baru-baru ini membina sebuah bangunan tiga tingkat yang mempunyai 6 bilik darjah bagi kos pembinaannya sejumlah \$177 ribu telah dibelanjakan, tetapi Kementerian hanya memberi bantuan kewangan sebanyak 378,000, hanya 44% dari kos keseluruhannya. Selain daripada itu tapak pembinaan bangunan tidak diperolehi dan disediakan oleh Jemaah Pengurusan Sekolah, oleh kerana itu Jemaah Pengurusan Sekolah terpaksa mengutip derma dari ibu bapa serta orang ramai yang berbakti dan yang baik hati. Perkara itu tidak pernah wujud bagi sekolah-sekolah jenis lainnya. Maka saya berharap agar Kerajaan akan memberi bantuan kewangan yang penuh kepada sekolah-sekolah rendah, baik Sekolah Jenis Kebangsaan atau Sekolah Kebangsaan bagi membiayai kos bilik darjah baru atau kerja-kerja membaik-pulih bangunan lama di bawah Program Pendidikan Rendah .

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh perkara kemudahan-kemudahan infrastruktur dan awam yang masih berkurangan dan ketinggalan di negeri Sarawak. Perkara ini sering dibangkitkan oleh

Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak baik di Dewan Rakyat mahu puu di Dewan yang mulia ini. Kerajaan, terutama Kementarian yang berkenaan didesak supaya memberi perhatian yang lebih kepada perkara tersebut memandangkan kepentingan dan perlunya kemudahan-kemudahan tersebut bagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri, maka saya berharap:

- (i) Peruntukan sebanyak \$15 juta dalam tahun 1990 pembinaan Lapangan terbang Sibu yang telah lama ditangguhkan itu akan bermula mulai awal tahun 1990 dan akan siap dibina seperti yang dijadualkan.
- (ii) Projek pembinaan dan kerja mengetarkan permukaan Lebuhraya Pan-Borneo dipercepatkan pelaksanaannya. Juga dikena jalan-jalan yang menuju dari Lebu itu ke bandar atau pekan atau kawasan-kawasan yang mana projek-projek perindustrian atau estet akan dij alankan.
- (iii) Peruntukan yang lebih diberikan untuk menyediakan dan membaiki infstruktur asas di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Memandangkan sejumlah peruntukan wang bukan alang kepalang telah disediakan setiap tahun untuk program-program ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum Kerajaan terus memberi bantuan langsung bagi tahun 1990 seperti dalam tahun-tahun lepas menerusi projek-projek tertentu bagi membantu golongan termiskin. Projek itu tentu akan boleh meningkatkan pendapatan mereka selari dengan matlamat pembasmian kemiskinan. Kementerian harus, menerusi Jabatan berkenaan di Sarawak menghebahkan banyak penerangan atau maklumat kepada rakyat, terutama golongan termiskin di luar bandar untuk mempopularkan rancangan itu dan dengan demikian mereka pun dapat mengecap faedah dari usaha Kerajaan **itu**.

Tuan Yang di-Pertua, mengetuai pelancongan, saya ingin menyentuh mengenai pelancongan di negeri Sarawak. Kerajaan telah menetapkan tahun 1990 sebagai Tahun Melawat Malaysia dan telah juga mengerahkan segala tenaga dan mencampakkan berjuta-juta ringgit dalam persediaan untuk menjayakan program-program galakan pelancongan itu. Dalam hubungan ini Kerajaan Negeri Sarawak juga berusaha sedaya upaya untuk menarik pelancong-pelancong ke negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak adalah sebuah negeri terbesar dalam Malaysia dengan berbagai suku kaum yang mempunyai kebudayaan, agama, adat-istiadat dan cara hidup yang berlainan. Wilayahnya luas dengan pemandangan alam yang indah, banyak tempat yang indah dan bersejarah seperti Gua Niah, Gunung Mulu di Daerah Bau, Pantai Damai boleh dijadikan tempat pelancongan yang menarik yang mana pelancong-pelancong akan suka melawat, sekiranya penerangan disebar-kan secukup-cukupnya di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kesalnya kita dapati dalam risalah-risalah terbitan Biro Pelancongan bahawa negeri-nagari Sarawak dan Sabah telah diabaikan dan tidak banyak diterangkan tentang kedua-dua negeri, bahkan nanti, kedua-dua negeri pun sangat kecil hurufnya hingga susah nampak kecuali di lihat dengan kaca pembesar. Oleh yang demikian, saya berharap bahawa Kementarian Kebudayaan dan Pelancongan akan dapat, memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini dan membetulkan penyimpangan dan prasangka itu.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya ketika kita berusaha menjayakan program galakan pelancongan ini, lebih menerangkan satu propaganda tentang negeri Sarawak dan Sabah serta penduduk-penduduk

di Semenanjung dan pelancang-pelancong luar supaya mereka mendapat satu gambaran tepat mengenai kedua-dua negeri itu. Sehubungan ini saya hendak menarik perhatian Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kepada satu iklan pelancongan yang diterbitkan dalam suratkhbar-suratkhbar Australia iaitu oleh sebuah agensi pelancongan "Destination International di Melbourne", ia bekerjasama dengan Sistem Penerbangan MAS dalam usaha mamajukan industri pelancongan. Dalam iklan itu Sarawak digambarkan sebagai sebuah negeri yang mengerikan, termundur dan tidak bertamadun. Ungkapan-ungkapan seperti 'hilang kepalamu di Borneo' berhadapan muka dengan orang liar Borneo digunakan dalam iklan mereka seolah-olah Borneo masih berada pada tahap primitif, perkembangan masyarakatnya masih ada pemburu kepala manusia', banyak orang hutan, orang liar sehingga boleh berhadapan muka dengan orang hutan itu di mana-mana sahaja.

Pernyataan seperti itu tidak benar kepada orang Sarawak atau Sabah. Ini adalah satu penghinaan yang besar. Walaupun pengiklan itu bertujuan untuk menarik pelancong-pelancong ke negeri ini, tetapi tidak perlu dan tidak payahlah menggunakan tipu muslihat semacam ini yang boleh menghina dan memalukan orang-orang Sarawak.

Mereka boleh mengeluarkan risalah-risalah atau buku-buku bacaan tentang keindahan pemandangan alam, kebudayaan Sarawak yang unik, tunggal dan beraneka jenis. Kita tidak akan menyalahkan orang asing, tetapi pihak MAS yang bekerjasama dengan mereka yang harus dipertanggungjawabkan bagi kesalahan atau kejadian itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang untuk menggalakkan pembangunan industri pelancongan, maka kami berharap pihak-pihak berkenaan seperti Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TDC dan MAS dapat meliputi Sarawak itu dalam program-program galakan pelancongan dengan menjadikan Sarawak juga suatu tempat pelancongan supaya projek-projek pelancongan di negeri Sarawak dapat berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah beberapa kali di Dewan yang mulia ini menyeru kepada pemimpin-perainipin politik termasuk Wakil-wakil Rakyat dan ketua-ketua masyarakat supaya mengelakkan diri daripada membuat ucapan atau membangkitkan isu-isu yang berbau perkauman atau boleh menyinggung perasaan kaum lain. Kesalnya pada masa kebelakangan ini, masih ada pemimpin-pemimpin yang berbuat demikian sesuka hati seolah-olah untuk memperlihatkan atau menonjolkan diri sebagai seorang johan kaumnya, Umpamanya, kalau saya tidak salah ingat, Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Menteri Belia dan Sukan pernah mengatakan di Perhimpunan Pemuda UMNO bahawa Malaysia masih banyak berhutang kepada orang Melayu ketika membahas dasar ekonomi.

Pada hemat saya, percakapan beliau kurang patut. Melihat kembali sejarah kita, kita dapati baik berketurunan Melayu, Cina atau India atau lainnya telah bersama-sama berusaha membangun

dan mengembangkan ekonomi, berjuang bersama-sama untuk mencapai kemerdekaan kerana perpaduan dan perjuangan bersama rakyat kitalah kemerdekaan negara tercapai. Dengan keharmonian dan usaha-usaha bersungguh-sungguh dari berbagai rakyat, negara kita kini memperolehi prestasi ekonomi yang cemerlang. Parsoalan siapa terhutang kepada siapa itu tidak boleh ditimbulkan sama sekali. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf kerana memberi peluang untuk membuat satu pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon untuk mempengerusikan Dewan yang mulia ini. Dipersilakan Dato' Tan Peng Khoon. Tunggu sebentar, Yang Berhonnat boleh sambuug selepas Yang Berhormat Dato' Tan mempengerusikan mesyuarat. Dipersilakan.

[Timbalan Yang di-Partua menpengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King, sila sambung .

Tuan Tiong Hiew King: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Seri Najib telah diberitakan dalam suratkhbar sebagai menyatakan bahawa status bumiputera dan bukan bumiputera akan terus dipertahankan asalkan orang Tionghua enggan mcninggalkan ciri-cirinya - asalkan tidak mahu meninggalkan ciri-ciri mereka, yakni adat-istiadat, bahasa dan kebudayaan, sekolah, tarian singa dan sebagainya.'

Percakapan ini menunjukkan suatu sikap yang melampau. Sikap itu adalah bertentangan dengan pedoman yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba dalam ucapan beliau ketika merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO yang

lalu. Beliau berkata: '....kita memerlukan satu sikap yang menolong membina perpaduan. di kalangan rakyat dan mengamalkan 'fair play' dan tidak bersikap melampau. . . '

- Mengikut beliau, kemajuan ekonomi di negara ini berkait rapat dengan perpaduan rakyat. Demi perpaduan rakyat, demi kemajuan ekonomi dan kestabilan politik demi nama baik negara kita, sikap-sikap atau ucapan-ucapan yang melampau harus ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meny«ntuh sedikit tentang dasar ekonomi negara selepas 1990. Kita difahamkan bahawa Majlis Perundingan Ekoami Negara yang telah ditubuhkan awal tahun ini untuk berbincang perkara ekonomi dan kemudiannya, memajukan pendapat-pendapatnya kepada Kabinet untuk diterapkan ke dalam dasar ekonomi negara selepas 1990. Pernah saya mengatakah di mesyuarat pertama pada bulan Mac yang lalu bahawa Kerajaan selama ini telah mencapai prestasi yang nyata dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan ekonomi negara boleh lebih maju dengan lebih pesat kalau tidak kerana setengah-setengah pendekatan yang diambil yang diutamakan pengagihan kuih ekonomi yang ada. Kita harus berusaha mengumpulkan segala sumber yang sedia ada pada negara kita: sumber kewangan, sumber tenaga kerja, sumber alam semulajadi dan sebagainya untuk menggalakkan pertumbuhan lebih pesat ekonomi negara.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat adalah penting untuk menambahkan pendapatan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Petikan dari ucapan Yang Berhormat Menteri Kawangan: '.....dengan pertambahan pendapatan berikutan pertumbuhan ekonomi barulah dapat dibahagikan lebih luas dan dinikmati bersama-sama oleh rakyat berbagai kaum.'

Demi mencapai tujuan itu kita semua harus bekerja kuat, berusaha bersungguh-sungguh, tidak perlu dikatakan kita hendak memperoleh berapa peratus kekayaan ini, kekayaan itu atau kekayaan negara diagihkan antara berbagai suku kaum mengikut nisbah bilangan mereka. Percakapan atau pendapat semacam itu akan menakutkan pelabur-pelabur asing dan dalam negeri serta menghalangi rancangan pelaburan mereka. Akibatnya pertumbuhan ekonomi menjadi lambat, peluang bekerja tidak timbul dan pendapatan tidak akan bertambah. Jadi akhirnya, rakyat berbagai kaum menderita lagi.

Jika kekayaan diagihkan dengan cara begitu - diperolehi tanpa usaha bersungguh-sungguh diri sendiri, keadaan itu pun tidak tahan lama. Kekayaan yang diperolehi dengan cara itu pun tentu akan habis lambat laun.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1985 dan 1986, kita telah mengalami kesusahan akibat kemerosotan ekonomi, tetapi Kerajaan dan rakyat kita telah berusaha bersama dan berjaya mengatasi kesan-kesan negatif kemerosotan itu. Kini prestasi ekonomi bertambah baik, kedudukan kewangan semakin kukuh, pendapatan meningkat dan kadar pengangguran turun.

Pada tahun yang bersejarah ini kita telah menyaksikan upacara pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Sukan Sea dan kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa lainnya yang telah dianjurkan dengan jayanya.

Selain dari itu, kita telah menerima lawatan Ratu Elizabeth dan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Tertinggi mengenai Masa Depan Komanwel. Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga dipilih menjadi Presiden Persidangan Agung UNESCO. Semua ini telah mencerminkan bahawa negara kita menjadi sebuah negara yang terkenal dan semakin disanjung tinggi oleh masyarakat antarabangsa.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Seri Rafidah Aziz, telah berusaha sekuatnya dalam tahun-tahun kebelakangan ini melawat negara-negara Asia, Asia Tengah dan Eropah untuk menarik pelaburan ke negara kita. Syukurlah saya mendapat peluang menyertai rombongan lawatan beliau beberapa kali. Saya telah memerhati bahawa jadual lawatan telah diatur begitu rapi dan baik dan di setiap tempat kami melawat, penerangan mengenai keadaan ekonomi dan pelaburan pun diberi secukup-cukupnya. Hasil dari usaha-usaha bersungguh-sungguh oleh beliau, pelaburan asing bertambah tahun demi-tahun dan ekonomi negara bertumbuh dengan pesat. Kejayaan semua ini adalah berpunca dari kepimpinan yang dinamis dan bijak oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Maka marilah kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau atas kejayaan semua itu. **[Tepuk].**

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya mengucapkan terima kasih dan saya akhiri ucapan ini di samping melahirkan sokongan kepada Rang undang-undang Perbekalan 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

4.42ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam menyokong suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan khasnya Menteri Kewangan, Dato' Paduka Daim Zainuddin, dan kepada semua pegawai yang terlibat di dalam menyediakan satu laporan yang begitu kemas dan baik untuk kegunaan bagi rakyat di tahun 1990,

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan kita ini pernah dipanggil oleh pihak-pihak yang tidak dapat mengikut kepuasan hati mereka iaitu satu panggilan sebagai Menteri 'kedekut' tetapi pada saya

Puan Ainon binti Ariffin: Penjelasan kepada Yang Berhormat kawan saya ini. Dia mengatakan tadi Menteri Kewangan ini, ada yang memanggilnya sebagai Menteri yang 'kedekut.' Apa maksud beliau m e m perkatkan 'kedekut' ini?

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin manberi penjelasan, makna 'kedekut' ini. 'Kedekut' ini adalah Bahasa Melayu, apabila seseorang itu diamanahkan untuk menjaga harta orang, umpamanya macam Menteri Kewangan ini, dia diamanahkan menjaga wang negara, jadi, apabila orang minta dengan semudah itu dia tidak boleh beri, dia tidak akan beri, maka dia dianggap sebagai orang

yang 'kedekut'. Jadi, bahasa 'kedekut', 'bakhil' dan 'tamak' ini jauh perbezaannya. Ada satu lagi bahasa 'bakhil,' bakhil ini maknanya kalau dia punya duit sendiri, kita minta, dia tidak beri. Itu namanya bakhil. , Tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan kita ini pada saya bukan seorang bakhil, dia ini seorang yang pemurah. Siapa pun, kalau hak dia sendiri, kalau diminta mesti dapat, tetapi saya belum pernah minta lagi. Dan jiwa Yang Berhormat Menteri Kewangan kita ini lebih kurang macam Dato Yang di-Pertua, juga, termasuk juga Presiden kita, Tan Sri Yang di-Pertua. Tetapi perkataan satu lagi, 'tamak' ini merbahaya sedikit, Tuan Yang di-Pertua. 'Tamak' ini sudahlah hak dia kita hendak minta, dia tidak beri, hak, orang pun dia hendak juga 'sakau.' Ini tamak. Ini bangsa beri betis hendak peha, beri peha hendak kepala. Kita minta jauhkanlah manusia-manusia yang bersifat tamak ,ini. Jadi, itulah penjelasan saya kepada Yang Berhormat Puan Aion.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan perbahasan saya, saya ingin menyentuh di dalam perbelanjaan Belanjawan 1990 yang melibatkan wang sebanyak \$14,786,630,980. Saya terpaksa menyentuh mengikut Maksud-maksud Bekalan yang telah disenaraikan di dalam jadual Rang Undang-undang ini sebanyak 54 Maksud. Pertama saya sentuh Maksud B.1, iaitu bagi peruntukan Parlimen yang berjumlah \$15,569,000. Ini adalah merupakan satu jumlah yang saya agak bolah dikatakan besar. Tetapi saya mendapati keadaan kawasan Parlimen kita ini masih lagi tidak begitu lengkap dengan hiasan. Saya harap dengan peruntukan untuk tahun depan, saya minta yang bertanggungjawab di dalam Parlimen ini supaya menentukan kawasan Parlimen ini serta dua Dewan, lower House dan Upper house , dengan izin, iaitu dewan Rakyat

dan Dewan Negara supaya diperkemaskinikan semua perhiasan-perhiasan termasuk kerusi dan kusyen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa sentuh perkara ini kerana terdapat di dalam bilik-bilik tandas di Parlimen ini kadangkala kertas tissue pun tidak disediakan, dan juga kepala paip pun ada yang tidak betul. Jadi, bila kepala paip sudah tidak betul macam mana air hendak keluar? Yang penting sekali ialah kepala paip. Bila kepalanya betul, barulah kita pusing dengan senangnya air keluar. Jadi, ini juga saya minta diambil perhatian oleh yang bertanggungjawab di dalam Parlimen.

Di samping itu, saya ingin menyentuh Maksud B.7, iaitu Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan perbelanjaan \$418,092,310. Ini merupakan satu peruntukan perbelanjaan yang besar. Jabatan Perdana Menteri juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan Dewan Bandaraya, untuk menyelaraskan Kuala Lumpur dan untuk menyelaraskan semua hal ehwal Wilayah Persekutuan. Oleh kerana Kerajaan telahpun memansuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan maka dengan sendirinya semua jabatan-jabatan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dahulu telah diserapkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap sangat kebanyakan daripada peruntukan yang telah diberikan untuk Jabatan Perdana Menteri ini supaya diuntukkan lebih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Datuk Bandar sebagai Datuk Bandar yang bertanggungjawab, yang begitu berusaha dengan gigih untuk mencantikkan Bandaraya kerana Kuala Lumpur adalah

tempat tumpuan seluruh pelancong dan seluruh negara yang datang berkunjung ke negara Malaysia kita **ini**. Di samping **itu**, saya juga mengingatkan kepada pihak Dewan Bandaraya, terutama Datuk Bandar, supaya mengambil pasti semua projek-projek terutamanya projek-projek perumahan di kawasan-kawasan setinggan dalam Kuala Lumpur yang mana telah diserahkan kepada badan swasta tetapi sehingga sekarang masih tidak lagi dapat dibangunkan dan saya minta jasa baik Datuk Bandar yang bertanggungjawab di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini juga bertanggungjawab kepada semua setinggan-setinggan supaya mengambil alih projek ini dan diserapkan sahaja di bawah Dewan Bandaraya .

Begitu juga masalah tol . Sekarang dalam Bandar Kuala Lumpur sedang asyik membina Tol untuk dipergunakan bagi masa-masa depan dan saya harap sangat supaya kutipan tol ini tidak dilakukan dengan segera. Kalau boleh biarlah kutipan tol ini selepas pilihanraya kerana ini menjadi satu isu yang paling besar kepada rakyat Kuala Lumpur. Kalau hendak tewas pun Barisan Nasional kerana tol inilah. Saya minta Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri yang tidak berkenaan jangan mengeluarkan sebarang kenyataan dalam suratkhbar masalah tol ini. Biarlah Menteri yang berkenaan sendiri sahaja yang mengeluarkan kenyataan dalam suratkhbar berapa patut bayaran tol ini harus dikenakan kepada tiap-tiap pengguna tol masa akan datang apabila tol ini sudah siap.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bercakap masalah Jabatan Perdana Menteri, saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri yang mengetuai Jabatan ini di atas kejayaan beliau. Pertama, kejayaan mengadakan Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) yang baru lepas di negara kita. Apabila beliau diberi peluang menjadi Pengerusi dan juga apabila beliau menyampaikan ucapan beliau, pada saya, saya tidak anggap lagi beliau sebagai pemimpin hanya setakat Malaysia lagi, menang sudah taraf beliau menjadi pemimpin dalam dunia dengan cara (style) beliau berucap. Tetapi masih ada lagi rakyat yang tidak mahu mengakui ketokohan beliau, kewibawaan beliau sebagai seorang pemimpin yang sentiasa bertoleransi, yang sentiasa memikirkan masalah rakyat, yang sentiasa memikirkan masalah perpaduan semua kaum dalam negara ini. Maka itu sebabnya beliau terpaksa sebagai Ketua Pentadbiran Negara

memulangkan balik kepada rakyat supaya meminta rakyat menyediakan satu laporan khas untuk dipergunakan kepada seluruh kaum, seluruh rakyat dalam negara iaitu satu Dasar Ekonomi Negara yang akan dipergunakan pada tahun selepas 1990 pada hal beliau sebagai seorang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebagai Ketua Kerajaan yang memerintah beliau ada kuasa boleh menyambung dasar itu tanpa mewujudkan mana-mana badan, tetapi oleh kerana beliau merasakan mahu mewujudkan negara ini sebagai sebuah "negara betul-betul merupakan negara demokrasi, datangnya dari rakyat dan kembalinya kepada rakyat untuk rakyat, maka itu sebabnya beliau mengadakan satu badan.

Dalam pada itu, ada juga yang tidak mahu bersama-sama di dalam merundingkan dasar ekonomi negara untuk selepas 1990. Satu daripadanya kumpulan DAP, menang terang-terang dan jelas, Tuan Yang di-Pertua, DAP ini bukanlah benar-benar merupakan parti yang ingin menyelamatkan rakyat DAP ini memang betul merupakan parti yang menjahanamkan rakyat, yang sentiaaa mencari huru-hara, yang sentiasa mencari jalan untuk memutarbelitkan pengaruh rakyat supaya rakyat jangan menyokong Kerajaan. Saya ingin menasihatkan Kerajaan atas tindak-tanduk DAP yang begitu ganas kepada saya sedangkan Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya pun mamuji atas kewibawaan pimpinan Dr Mahathir, memuji di atas pembangunan negara kita, Kerajaan kita, tetapi masih lagi ada fahaman yang lebih teruk, lebih dahsyat daripada fahaman komunis dalam hutan.

Saya menasihatkan Kerajaan jangan teragak-agak lagi, apabila kita dalam berkuasa ini kita kena bertindak sesuatu kalau kita fikirkan tindakan kita itu untuk mendatangkan faedah kepada semua kaum, semua rakyat dalam negara kita ini. Jangan kita pedulikan walau 10 orang, 20 orang. Patut kita masukkan ke ISA, kita masukkan

untuk hendak menyelamatkan negara kerana saya bimbang kalau kita tidak bertindak sedemikian rupa, akhir-akhir nanti apabila generasi kita 10 tahun atau 15 tahun akan datang akan menyumpah kepada kita semua ketika kita diberi kuasa kita tidak tahu menjalankan kuasa dan telah cuai menjalankan kuasa, maka perkara-perkara yang tidak diingini semuanya berlaku.

Saya ingin memberi satu falsafah, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa di mana-mana Kerajaan juga mesti pegang kepada falsafah yang saya akan sebutkan dalam bahasa Inggeris, dengan izin:

"Politic is a power game. Everybody rushes for the power, even DAP also rushes for the power to form a government. So, now Barisan Nasional, we are in power, let it be powerful otherwise we are all bloody fools ."

Maka dengan saranan itu saya nasihatkan Kerajaan kita jangan tunggu lagi. Kalau kita telah pujuk dan telah nasihat mereka ini supaya mereka jangan melakukan sesuatu yang boleh mengelirukan rakyat, boleh mengajar rakyat jahat, boleh mengajar rakyat men-derhaka, boleh mengajar rakyat menentang Kerajaan, apa lagi? Kita sudah sediakan Undang-undang ISA, gunakan sahaja. Baru-baru ini mereka juga yang mencadangkan supaya ISA ini dihapuskan oleh kerana Parti Komunis Malaya sudah meletakkan senjata dan sudah ingin balik ke pangkuan masyarakat dan ingin berdamai. Saya menolak cadangan mereka **ini**. ISA mesti terus diwujudkan di dalam negara yang berbilang kaum kerana dengan adanya Undang-undang ISA ini dapat kita membendung mereka yang mempunyai perangai kelakuan yang lebih teruk daripada komunis, tetapi dia tidak bawa senjata, cuma dia memainkan ideologi. Jadi saya mencadangkan ISA ini terus Bijalankan walaupun kita sebagai negara demokrasi dan ada pihak-pihak mengatakan seolah-

oleh kita telah menindas hak asasi kemanusiaan. Pada saya kalau kita tidak buat salah perlu apa kita takut? Biar dia 10 kali Undang-undang ISA, kalau kita tidak buat salah apa perlu kita takut? Cuma orang-orang yang berniat ingin hendak buat salah ataupun pernah melakukan kesalahan, dia sahaja yang takut Undang-undang ISA ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin merayu kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang mengeluarkan peruntukan, termasuklah peruntukan-peruntukan tambahan ini. Pandang-pandanglah kami ini. Ahli Dewan Negara kerana Ahli Dewan Negara sebagai Senator tidak ada, peruntukan semacam mana Wakil-wakil Rakyat ada peruntukan kawasan, ada berbagai-bagai peruntukan. Kami hanya semata-mata mengharapkan elaun bulanan sahaja sedangkan derma dalam satu bulan dekat hendak 20-30 list derma datang, seolah-olah kepada rakyat ingat gaji Senator ini \$50,000 satu bulan. Ini bukan saya memperjuangkan diri saya seorang sahaja, termasuk Tuan Yang di-Pertua sekali, termasuk seluruh Ahli Dewan Negara. Jadi saya mintalah supaya adakan satu, peruntukan khas untuk Ahli Dewan Negara kerana kita ini juga walaupun kita tidak ada kawasan tertentu, tetapi Ahli Dewan Negara mempunyai kawasan lebih luas, satu negara, termasuk Sabah dan Sarawak. Begitu juga Senator daripada Sabah dan Sarawak, mereka pun boleh datang ke Semenanjung Malaysia boleh beri tempat. Jadi saya harap dan saya mencadangkan supaya satu peruntukan khas sekurang-kurangnya apabila kita pergi melawat sesuatu kawasan, apabila rakyat memohon satu peruntukan, ibarat satu projek kecil, maka adalah hak sebagai Ahli Dewan Negara untuk mengumumkan peruntukan itu.

Tidaklah kita hendak pergi menyembah mana-mana Menteri atau, kalau di peringkat Negeri, bolehlah pergi jumpa Menteri Besar. Macam saya ini di Wilayah Persekutuan, kepada siapa saya hendak menyembah. Ada tidak pun saya pergi mengadu rumah Tengku Ahmad Rithaudeen. Itu pun setakat mana dia boleh. Dia hendak jaga Kementerian dia juga. Jadi, inilah satu perkara saya rasa harus diambil perhatian bersama.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan Negara juga akan memainkan peranan penting dan sudah pun kita mainkan peranan penting iaitu di dalam aktiviti menyatupadukan rakyat semua kaum dalam negara **ini**. Dan apabila kita mengadakan aktiviti ini memerlukan wang, sedangkan kita tidak mempunyai sebarang peruntukan yang tertentu. Jadi, saya berharap dan saya mencadangkan supaya pihak Jabatan Perdana Menteri dapat mengasingkan satu peruntukan khas kepada Ahli-ahli Dewan Negara di samping manaikkan elaun kami memberi peruntukan khas. Sudah patut kami naik gaji, naik elaun, sebab negara kita pun ekonominya sudah baik. Baiknya ekonomi negara, bukan satu orang sahaja punya usaha, kita bersama-sama, terutamanya Dewan Negara, Dewan yang tertinggi dalam Negara **ini**. Tidak ada Dewan lagi lebih tinggi daripada Dewan **ini**. Tidak patutlah Senator Ahli-ahli Dewan Negara diberi satu elaun yang paling kecil. Tinggal kita kadang-kadang act dengan rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Pada hal rakyat bukan tahu berapa yang kita dapat. Jadi, kalau diberi tambahan, ada jugalah sekurang-kurang, barulah kita setanding dengan Senator-senator Amerika dan sebagainya.

Baru-baru ini CHOGM, saya dijemput sama. Bila sebelah saya ini negara luar, bila bertanya, oh! you are Honourable Senator, dengan

izin. Yes, I am. Lepas itu dia suruh saya belanja lunch. Saya kata ini bukan main punya belanja, lima orang, sekurang-kurang mahu \$1,000 lebih, saya pun. kata, excuse me, next time I see you [Ketawa] terpaksa, Tuan Yang di-Pertua. Dia ingat kita ini Senator punya terror pendapatan. Inilah caranya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya haraplah pucuk pimpinan, pandang-pandang Ahli-ahli Dewan Negara ini sedikit.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh Bilangan 8 iaitu JPA - Jabatan Perkhidmatan Awam yang mempunyai peruntukan Belanjawan pada tahun 1990 \$527,183,600. Dan saya rasa ini satu peruntukan yang paling besar, yang paling baik untuk dipergunakan kepada seluruh kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam. Maka sebelum peruntukan ini dapat dipergunakan, saya terpaksa bercakap sedikit kata-kata nasihat, terutama kepada pegawai-pegawai kita dalam Dewan ini, kerana Dewan ini pada petang ini hendak meluluskan Rang Undang-undang ini. Kalau kami tidak luluskan, tidak dapat, Kementerian Pertahanan pun tidak merasa ini. Ini cakap benar-benar. Inilah Dewan, hari ini hendak meluluskan ini.

Dewan Rakyat walaupun bergasak dibangkang oleh DAP, dibangkang oleh 46, tetapi akhirnya bila sampai dekat sini, kami tidak bangkang, kami sokong, dan kami akan luluskan, tetapi dengan syarat, kami terpaksa menasihatkan satu dua nasihat kepada pegawai-pegawai. Kerana sebagai sebuah negara yang merdeka yang mempunyai Kerajaan, kita ini tidak ubah mempunyai sebuah syarikat yang besar, maka Kerajaan adalah syarikat, semua pegawai-pegawai Kerajaan ini di samping, menjadi ahli saham dalam syarikat, tuan-tuan juga sebagai bekerja dalam syarikat memainkan dua peranan. Sebagai ahli saham maknanya, bila sampai pilihanraya, tuan-tuan pergi mengundi, itu namanya ahli saham. Dan biar betul-betul tuan-tuan mengundi

Barisan Nasional. Kalau tuan-tuan tidak mengundi Barisan Nasional, cabuk tangan-tangan tuan-tuan besok, kerana tuan-tuan makan gaji dengan Barisan Nasional, pergi mengundi 46, pergi mengundi PAS, apa hal. Jawabnya, cakap tidak serupa bikin. Lain dimulut, lain di hati. Jadi, saya kena nasihat. Kalau ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan mahupun peringkat tinggi, peringkat rendah, merasa tidak puas hati dasar Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang, mereka fikir ada dasar Kerajaan yang lebih baik atau Kerajaan yang akan datang mentadbirkan negara ini lebih baik, sila berhenti, sila berhenti. Dan jangan main politik ketika bekerja.

Itu sebabnya kita mengeluarkan satu Rang Undang-undang, Kumpulan A Kerajaan tidak boleh berpolitik, tidak boleh memegang jawatan, sebab kita tidak mahu pertindihan tugas. Kalau dialah menjadi ketua bahagian, dia juga menjadi pegawai Kerajaan, bila sampai tentang perkara-perkara yang patut dia jalankan tugas untuk membatu rakyat, untuk membantu ahli-ahli parti dan dia tidak hendak bantu, dia nanti berlagak, saya pegawai Kerajaan, kerana apa? Orang seganlah hendak bertindak pada dia kerana dia, juga ketua bahagian, dia juga memegang jawatan penting dalam parti. Tetapi kalau dia hanya setakat pegawii Kerajaan dan tidak memegang sebarang jawatan dalam parti, kalau dia melakukan kecurangan, tidak dapat bekerjasama dengan orang parti, bolehlah orang parti merayu pihak-pihak yang berkenaan, nampaknya pegawai ini biadap, dia tidak boleh bekerjasama dengan kami, kami bukan minta hak dia, kami minta hak yang patut kami minta dan ada pruntutannya, dia tidak hendak beri. Sudah dia bahasanya kami, guna bahasa yang kasar-kasar. Jadi, bolehlah kita minta tukarkan dia kepada department lain dan sebagainya. Itu sebabnya kita tidak mahu pegawai Kumpulan A memegang jawatan-jawatan penting. Kita hendak orang-orang macam ini terus bekerja kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa sentuh perkara-perkara ini. Di dalam 100% kakitangan pegawai Kerajaan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam, bukan semua tidak baik 98% boleh dikatakan baik-baik belaka. Yang ini semua baik-baik belaka, yang datang ini, sebab itu mereka tunggu, tidak memonteng. Ada juga yang selalu menonteng. Ini semua bagus kalau tidak, mereka duduk dalam kantin. Yang ada ini bagus. Semua boleh beri kepujian. Kalau Setiausaha Dewan dapat ambil nama mereka, boleh beri kepujian. Yang dua tiga peratus ini yang buat perangai merosakkan yang lain.

Saya hendak kata benarlah, tidak ada lagi parti dalam dunia semacam Barisan Nasional punya bagus memerintah negara ini. Jadi, oleh kerana itu, tuan-tuan, pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam melaksanakan semua dasar Kerajaan. Kerana tuan-tuan adalah pihak pelaksanaan dasar. Kami adalah-pihak membuat dasar. Dua-dua itu berlainan. Kami pembuat dasar, tuan-tuan pelaksanaan dasar. Kedua-dua ini mesti bekerjasama. Bila kedua-dua ini bekerjasama, barulah negara, kita ini aman, makmur dan tidak ada rakyat hendak bersungut lagi. Tetapi kalau kami hanya setakat pembuat dasar, bila sampai masa tentang Rang Undang-undang Belanjawan, kami terpaksa luluskan, bila sampai ketika kami pergi mengadu satu-satu hal dengan pegawai Kerajaan, ada yang buat bena tidak bena.

Saya pernah kena, Tuan Yang di-Pertua, setelah saya perkenalkan diri saya, encik, saya minta tolong, boleh tidak encik. Saya ini sebagai seorang Senator, Yang Berhormat. Bila sebut Yang Berhormat, baru dia cepat-cepat berdiri. Tidak bolehlah macam itu. Kalau hendak hormat, kena hormat semua. Kalau setakat Yang Berhormat sahaja dihormat, yang lain-lain tidak dihormati, inilah yang paling jahat yang bawa cerita balik ke kampung, bawa balik cerita ke

pekan-pekan mengatakan pegawai Kerajaan tidak guna, orang-orang macam inilah yang jahat. Macam kami ini sebagai Yang Berhormat, boleh juga bertolak ansur. Boleh juga ampun maaf. Kalau sekiranya ada pegawai Kerajaan buat biadap dengan kita, dengan syarat sanggup minta maaf. Kalau tidak sanggup minta maaf, mari kita lawan kuasalah, itu sahaja.

Saya terpaksa bercakap terus terang, sebab setahu saya ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin hendak menyampaikan perkara **ini**, tetapi segan silu. Saya cakap terus terang. Sekali lagi saya ulangi, kami sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat pembuat dasar untuk pentadibran negara, pegawai-pegawai Kerajaan adalah sebagai pelaksana dasar. Jadi, sampai dasar yang kami luluskan di Dewan **ini**, sampai satu ketika kami tengok belum dilaksanakan, apabila kami pergi bertanya, salahkah kalau kami bertanya dengan pegawai-pegawai Kerajaan, dasar yang kami luluskan tidak dilaksanakan, salahkah?

Jawabnya tentu tak salah.

Jadi, saya berharaplah, Tuan Yang di-Pertua, terutama pegawai Kerajaan, hidup di dalam dunia ini untuk hendak mendapat pujian daripada rakyat jelata, daripada manusia bukan kerana kita **ber-**kelulusan tinggi, bukan kerana kita datang daripada orang kaya. Yang penting sekali ialah untuk mendapat penghormatan itu kita **ber-**budi bahasa.

Dalam bahasa Melayu, budi bahasa, Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang itu mempunyai budi bahasa yang tinggi, budi itu melambangkan kecantikan batang tubuhnya, manakala bahasa itu melambangkan keindahan peribadinya. Maka itu sebabnya sesiapa juga yang mempunyai budi bahasa yang tinggi, maka dia akan dihormati. Tetapi kalau kita ini menjadi pegawai, tak ada budi bahasa, orang apa hairan. Kalau orang dalam di bawah-bawah kita pun duduk menyampak kepada kita, apa lagi orang luar datang sekali-sekala ke pejabat. Bila tengok budak-budak di bawah kita menderhaka kepada kita, tak mahu dengar cakap kita, pandai pula marah. Pada hal kita sudah mempunyai dasar kepimpinan melalui tauladan, tauladan ini berbagai-bagai, menunjukkan bahasa yang baik.

Kadang-kadang saya pernah tengok seorang pegawai pangkatnya tinggi juga, sudah masuk Division Satu. Bila ada pegawai lain ucap selamat pagi tuan, dia jawab pun tidak. Sekurang-kurangnya jawab, eh pun cukuplah, Jadi inilah satu teladan yang membuatkan pegawai-pegawai di bawah naik fed up kerana boss **dia**, pegawai tinggi itu tunjuk act. Itu yang mula fail hilang. Ini kena jaga kerana yang bawah juga Boleh main peranan. Itu sebabnya saya walaupun saya sebagai seorang Ahli Yang Berhormat, saya pergi ke satu-satu

department, saya hormat bermula daripada peon itu lagi sampai ke pegawai. Sebab masing-masing boleh main peranan itu. Yang peon dalam mana membawa fail ke pejabat lain itu, dia boleh hilangkan fail itu. Macam-macam boleh berlaku, kalau nak buat. Itu sebabnya saya katakan tadi penting budi bahasa, kerana budi bahasa inilah boleh melatih kita semua menjadi sebagai pemimpin yang baik. Kalau kita mempunyai budi bahasa yang tinggi, walau terror macam mana pun orang kalau hendak lawan kita, kita tak hairan. Itu fasal Barisan Nasional, kita tidak gentar dengan Semangat 46, kita tidak gentar dengan DAP, kita tidak gentar dengan PAS.

Pertama PAS ini banyak menyelewengkan agama Islam. Orang UMNO pakai Quran juz 30, dia pakai juz 31. Tiap-tiap bulan, tiap-tiap tahun bertukar dia punya undang-undang dalam Qurannya. Itu fasal PAS tak boleh memerintah dalam negara ini. Sekarang Semangat 46 pula sudah ikut cara PAS. Ini saya hendak beri tahu kepada semua yang ada di sini, terutama MCA, Gerakan dan parti-parti yang lain dan MIC - selalu saya lupa MIC. [Ketawa] Fasal dulu PAS kata marah dekat UMNO berkawan dengan MCA, MIC. Dia kata UMNO kafir kerana berkawan MCA, MIC dan Gerakan.

Sekarang Semangat 46 pula berkawan dengan DAP, boleh. PAS kata boleh. Itu yang saya katakan tadi, dia punya Quran tiap-tiap tahun bertukar, tetapi bukan yang dalam juz 30, yang dalam juz 31 yang jahat ini, macam-macam cerita boleh keluar. Itu sebab sekarang, tengok dia mengeluarkan kenyataan dalam suratkhobar. Minta senyap sedikit, Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit, saya sudah sedap bercakap sekarang ini. Minta UMNO dibubarkan, kalau hendak bersatu. Tak logik, Tuan Yang di-Pertua, kerana UMNO adalah pihak majoriti. Takkanlah pihak majoriti hendak beralah dengan pihak minoriti.

Memang betul amalan orang Melayu ini selalu beralah. Tetapi ada masanya kami tidak bertolak ansur. Kalau beralah untuk ~~men-~~datangkan kebaikan tak apa. Tetapi beralah untuk mendatangkan jahanam, minta maaf kami tidak bertolak ansur dan tak logik. Jadi, saya inginlah menasihatkan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sedang buat umrah, Tuan Yang di-Pertua. Kata orang Islam, apabila dia pergi tawaf dekat Kaabah itu, bila dia berdo'a, jangan main-main, Tuan Yang di-Pertua. Mana-mana ahli Semangat 46 yang ada dalam Malaysia ini, lebih baik jangan bercakap benda-benda yang bukan-bukan. Dia punya ketulahan, dia punya daulat itu lebih teruk daripada ketulahan, raja-raja. Tuan Yang di-Pertua. Kalau dimakbulkan oleh Tuhan masa dia mengeliling Kaabah itu, bila dia berdo'a, jangan main-main. Saya takut semua sasau besok, semua ahli 46 itu sasau. Biar dia gila terus tak apa, kita boleh hantar-kan ke Tanjong Rambutan. Ini sasau teruk, hendak kata gila - tidak, hendak kata itu - tidak, bangsa dia bercakap seorang diri. Tidur pun bercakap. Ini yang susah, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ada juga hikmat dan ada juga daulatnya, Yang Amat Berhormat Dato' Presiden, Dato Perdana Menteri kita ini.

Saya tengok keadaan sekarang orang-orang 46 sudah macam orang sasau betul. Bercakap pun tak tahu entah mana hujung, entah mana pangkal. Sudah lebih teruk daripada Parti PAS. Punya kesian, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, jangan pula kata saya sudah belot masuk

Secara kebetulan hari minggu baru lalu saya sudah pergi ke Merlin, saya tengok ahli 46 ada buat perjumpaan. Alamak, saya pun sudah termasuk, punya kesian, duduk bersila. Duduk bersila, tak tahulah kerana bayaran murah, atau apakah, itu saya tak tahulah,

Pada saya, ini 46 boleh hidup selagi ada satu-dua orang yang

sanggup dan mampu membelanjakan perbelanjaan parti itu. Bila sudah punah duit dia orang besok, lama kelamaan 46 juga ikut langkah PAS.

PAS, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh hidup sampai sekarang fasal apa? Fasal dia parti minta sedekah. Dan malu kita, negara Malaysia telah meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi, bila PAS buat ceramah, ada dulang, minta duit, pungut duit. Jadi, bila pelancong-pelancong luar datang tengok, "Eh, kata Malaysia negara makmur, tetapi aku tengok dia punya penceramah pun memerlukan duit orang ramai, sedekah." Ini juga Kerajaan kena ambil tindakan. Kalau kita berhentikan cara derma-derma ini, jangan benarkan mereka kutip derma, saya percaya lama-lama penceramah PAS pun tak sanggup hendak pergi ceramah lagi. Fasal sudah tak ada duit, Cak ada upahan. Hendak pergi buat apa. Mereka itu macam Hadi, Fadzil Noor, sekali pergi beribu ringgit dapat. Elaun Dato' Hussein pun kalah. Sekali derma itu, berapa ribu ringgit, Tuan Yang di-Pertua? Tetapi kalau Kerajaan sekat derma ini, kita bagi arahan kepada Polis, boleh ceramah tetapi tak benarkan pungut duit derma kilat. Saya percaya lama-kelamaan tak ada lagi penceramah sanggup hendak berceramah. Kita kena buat sesuatu kerana kita yang memerintah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), saya harap JPA dapat mengadakan satu latihan kepada kakitangan Kerajaan, Pertama, memberikan kefahaman kepada mereka, tugas mereka sebagai Pegawai Kerajaan. Siapa itu Kerajaan? Iaitu Barisan Nasional. Jadi, kalau dia tahu Kerajaan Barisan Nasional, dan dia dapat menganggap diri dia sebagai pegawai/pekerja kepada Kerajaan Barisan Nasional, jadi tidaklah dia hendak masuk menyokong

PAS, tidaklah dia hendak masuk menyokong 46, tidaklah dia hendak masuk menyokong DAP. Kalau dia ingat hendak menyokong, berhenti 24 jam. Sila, kerana penganggur lebih ramai yang mempunyai ijazah. Berapa ramai lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang keluar universiti, yang tak bekerja. Kesian mereka dan mereka ini sanggup menyokong Barisan Nasional dengan syarat beri mereka kerja. Itu sebab, saya menasihatkan yang bertanggungjawab dalam JPA ini, membuat penyelidikan sejauh mana kakitangan di bawah JPA mempunyai ketaatan, kesetiaannya, kejujurannya di dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai Pegawai Kerajaan di bawah Kerajaan. Barisan Nasional yang memerintah sekarang.

Mana yang tidak jujur, nasihatkan dia suruh berhenti. Kalau tidak mahu berhenti, gunakan satu Akta buang dia kerja. Ini cakap benar-benar punya. Sebab kalau DAP memerintah pun dia buat kita begitu juga. Kalau PAS memerintah lagi Auzubillah, semua orang kena potong termasuklah Yang Berhormat Tuan G. Rajoo semua. [Ketawa] Mesti punya. Krishnan punya, tidak tahulah saya dengar Yang Berhormat Tuan C. Krishnan sudah potong, itu tidak tahulah. [Ketawa]

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Saya tidak faham potong *ini*, potong apa ini? [Ketawa]

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak penjelasan. Boleh saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua? Potong ini secara kebetulan itu kebudayaan. Bagi orang Islam satu hukum yang wajib untuk hendak memudahkan kita pergi sembahyang, ambil air sembahyang, tidak payah hendak basuh-basuh. Benda itu bersih all the time, dengan izin. Itu nama potong. [Ketawa] Jadi, tidak payah hendak kopek-kopek lagi sentiasa dia muncul sahaja, itu potong, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hassein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya faham. [Ketawa]

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Partua, penjelasan. Adakah benar bagi kesihatan pun boleh juga, tidak semestinya kerana keagamaan. Bagi kesihatan pun saya difahamkan bagus juga.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya Yang Berhormat sahabat saya ini pun bersetuju elok potong. Bukana kerana agama, kesihatan pun bagus, katanya. Tahniah, terima kasih. Inilah caranya kalau PAS memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah harap-harap sangat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, kami sanjung tinggi, kami memberikan tabik hormat kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan yang betul-betul jujur, ikhlas dan betul-betul menaikan peranan sebagai pegawai menjalankan tugag untuk mentadbir negara sebagai pegawai Kerajaan. Tetapi pegawai yang tidak jujur, cukup bulan terima gaji, bila habis pejabat pergi dengan 46 sama-sama turut berucap, bantai balik Kerajaan. Pergi dengan PAS, bantai balik Kerajaan. Mereka yang semacam ini, saya minta Allah s.w.t. laknatkanlah, Betul ini cakap, Tuan Yang di-Pertua. Kerana tidak jujur. Apa makaud, umpamanya macam sayalah, Tuan Yang di-Pertua, saya bekerja dengan Dato', Dato' boss saya, bila ada orang lain yang sama juga berniaga macam Dato' dia panggil saya untuk sabotaj perniagaan Dato'. Kemudian, saya sokong dia. Bolehkah saya buat begitu Dato'? Cukup bulan saya terima daripada Dato', Dato' boss saya. Tetapi saya menunjukkan kesetiaan kepada orang lain yang ingin mencari jalan untuk hendak menjahanamkan Dato'. Ini maknanya tidak jujur. Ada, Bukan semua pegawai Kerajaan yang buat macam itu, ada. Beriya-iya hendak melilit serban, konon dialah warak. Serban, serban putih pula.

Ini ada satu cerita, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin. Ini cakap benar-benar, jangan menyamar. Jangan berpura-pura hendak jadi warak, konon pegawai Kerajaan, dia waraklah konon.

Dulu, Tuan Yang di-Pertua, Jalan Tuanku Abdul Rahman itu dipanggil jalan Batu Road. Dalam tempat itu ada kawasan-kawasan tempat tidak baiklah. Seorang kawan, Tuan Yang di-Pertua, dia ini terlalu menunjukkan kononnya dia warak. Dalam kampung semua orang puji **dia**. Satu hari dia sudah keluar berjalan-jalan di Batu Road, dia tengok orang keluar masuk dekat lorong **itu**, dia tengok apa orang buat. Dia pun ingin tengok. Waktu sudah gelap, sudah malam. Dia pun teringin sama, masuk **bilik**. Nasib dia kurang baik, Tuan Yang di-Pertua, malam itu Polis sudah redah **bilik-bilik** sebelah, dia sudah ketakutan lari keluar. Dalam masa dia berlari juga dia pakai keluar dan dia **lilit** serban dalam gelap. Balik dekat rumah, Tuan Yang di-Pertua, perempuan dia sudah tegur **dia**:

"Ai, abang ada dua rumah ke?"

"Apasahal?"

"Pergi tadi pakai serban putih, balik pakai serban merah!"

Dia pun sedar. Cepat-cepat buka, rupa-rupa dia sudah terambil seluar nyonya, Tuan Yang di-Pertua, sudah terbuat serban. **[Ketawa]** Ini menunjukkan warak berpura-pura. Seluar nyonyakan nipis, dia sudah terbelit, dia sudah buat serban. Dia ingat serban. Dalam berlari dia membelit serban.

Inilah dikatakan jangan menyamar. Jangan menyamar! Tuhan lebih tahu. Satu hari Tuhan akan tunjukan siapa-siapa yang menyamar, siapa-siapa yang hati lain mulut lain, perbuatan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat kepada pegawai-pegawai atasan yang bertanggungjawab dengan JPA supaya menentukan semua kakitangan Kerajaan ini betul-betul jujur, ikhlas di dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai Kerajaan, Terutamanya

kita akan menghadapi pilihanraya tidak lama lagi. Tidak tahulah saya kalau pegawai-pegawai Kerajaan ingin hendak menukar Kerajaan lain. Itu tidak tahulah saya. Tetapi, cuba kita duduk, kita menungkan, ramalkan kalaulah selain daripada Barisan Nasional ini memerintah, apa akan jadi kepada negara ini. Terutama kalau DAP memerintah, apa akan jadi kepada negara. Kalau PAS memerintah apa akan jadi kepada negara 46 memerintah, apa akan jadi kepada negara. Tetapi dengan adanya Barisan Nasional **ini**, tidak perlu lagi patut Pembangkang macam PAS, 46 dan DAP ini lagi. Apa DAP hendak mewakili siapa? Konon dia hendak mewakili orang Cina? Kita sudah ada dalam Barisan Nasional, MCA mewakili orang Cina. Dan kita ada Gerakan mewakili orang Cina. Dan dia mengakui dia hendak mewakili orang India, kita ada MIC mewakili orang-orang India. Untuk apa kita perlukan Pembangkang? Sudah cukup. Dalam Kabinet Barisan Nasional semua sudah lengkap dengan Menteri Melayunya, Menteri Cinanya, Menteri Indianya, Menteri Ibannya semua lengkap. Tidak perlu.

Sepatutnya di dalam negara multi-racial atau majmuk **ini**, tidak perlu. Tidak perlu adakan Pembangkang, sebab-sebab mereka yang duduk dalam Kabinet ini sudah mewakili kaum masing-masing. Bercakap untuk faedah kaum masing-masing. Kerana yang duduk ini semuanya pemikiran yang waras. Dia tidak tahu melagakan kaum dia yang bawah ini supaya buat ini, buat itu, supaya menghuru-harakan negara.

Yang jahat inilah. Umpamanya macam pemimpin DAP, macam Karpal Singh, macam Patta, Lim Kit Siang ini semua. Inilah orang yang paling jahat. Otak kepala dia tidak ada ingat lain untuk hendak menghuru-harakan negara dengan cara mengapi-apikan rakyat. Apa pun

Kerajaan buat semuanya tidak betul. Kerana dia tidak boleh membetulkan. Bila dia membetulkan dia terpaksa masuk dalam Barisan Nasional dan dia mempunyai angan-angan mahu jadi Perdana Menteri maka terpaksa menidakkan apa juga yang Kerajaan buat betul .

Yang saya hairan, bila sampai pilihanraya, dia pandai buat temberang sehingga dia boleh menang. Ini yang saya hairan, Tuan Yang di-Pertua. Pada hal apa tugas yang dia buat apabila datang ke dalam Dewan. Semua menjerit-jerit, buat kelakuan tidak senonoh, kelakuan biadap. Merugikan Kerajaan membayar elaun dia sebagai Wakil Rakyat. Sepatutnya kita juga mesti mempunyai Rang Undang-undang. Mana-mana Wakil-wakil Rakyat yang datang ke Dewan hanya menimbulkan huru-hara, menimbulkan satu perbuatan biadap, kita harus tarik alannya. Ini kita kena buat, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, sebelum saya berpindah ke Kementerian lain, sekali lagi saya ingin menasihatkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya mengadakan latihan. Latihan kesetiaan kepada kakitangan Kerajaan. Benar-benar setia kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh B.12 yang mempunyai peruntukkan \$17,214,800 bagi Jabatan Perpaduan Negara. Dan saya rasa kalau peruntukan ini tidak cukup, boleh ditambah lagi. Kerana Jabatan Perpaduan Negara juga harus memainkan peranan penting di dalam menyatu-padukan seluruh rakyat yang berbilang kaum dalam negara **ini**.

Kerana terdapat pada masa sekarang, oleh kerana dalam satu-satu kawasan mempunyai berbagai-bagai persatuan mahupun politik ataupun persatuan sosial, maka masing-masing ingin mencari pengaruh dan apabila masing-masing mula mahu mencari pengaruh, maka dengan sendirinya tidak ada perpaduan.

Maka Jabatan Perpaduan. Negara harus memainkan peranan supaya mengadakan konvensyen di tiap-tiap negeri dan memanggil semua persatuan-persatuan yang berdaftar, mahupun dari persatuan pertubuhan politik ataupun persatuan sosial daripada belia, daripada silat gayung, kuntau, karate, persatuan tokong, persatuan sami bahkan persatuan masjid, madrasah, semua persatuan, panggil dalam satu konvensyen dan tentukan di dalam satu-satu kawasan itu, kalau ada 20 persatuan, maka 20 persatuan itu mesti duduk di bawah satu persatuan yang menjadi payung kepada yang lain-lain ini dan persatuan itu, pengerusinya adalah dilantik daripada Jabatan Perpaduan Negara sendiri, barulah saya percaya boleh selaras. Tetapi selagi tidak wujud perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, jawabnya tidak akan dapat bersatu-padu, kerana kalau terdapat dalam satu kawasan ada lima persatuan pun sudah cukup. Adanya UMNO, adanya persatuan penduduk, adanya persatuan belia, adanya persatuan kebajikan, kelima-lima ini masing-masing hendak mencari pengaruh. Kalau UMNO buat aktiviti, persatuan yang lain tidak campur. Kalau persatuan penduduk buat aktiviti, persatuan yang lain tidak campur. Kalau persatuan kebajikan buat, lain tidak campur dan seterusnya. Sanggupkah kita melihat rakyat yang cintakan perpaduan di tempat itu

akan menghadapi masalah ini berterus-terusan kalau kita tidak lagi tampil hadapan untuk memainkan peranan. Kerana yang boleh memanggil konvensyen-konvensyen yang saya sebutkan tadi hanya daripada Jabatan Perpaduan Negara sahaja, kerana mereka tidak akan mematuhi panggilan daripada mana-mana pihak melainkan Jabatan Perpaduan Negara.

Saya percaya, kalau dapat dilaksanakan atau pandangan gaya ini tadi, sekurang-kurangnya kalau tidak dapat 100% kita menikmati perpaduan, tetapi sekurang-kurangnya ianya berkesan. Ini dalam pandangan saya sebagai orang yang pernah berpengalaman dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta izin, minta Bentara bawakan saya air segelas?

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh B.13 - Kementerian Kahakiman. Tahniah saya ucapkan kepada Ketua Hakim Negara yang ada sekarang dan untuk makluman Kementerian Kehakiman, baru-baru ini kami telahpun meluluskan satu Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan untuk digunakan dalam mahkamah-mahkamah. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini adalah satu beban yang saya agak bertambah kepada Kementerian Kehakiman terutamanya kepada Hakim-hakim dan kepada mahkamah-mahkamah .

Saya mengharapkan supaya pelaksanaan Bahasa Kebangsaan ini dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya di dalam mahkamah, kerana Kerajaan telah bertolak-ansur sedemikian lama, Sepatutnya Bahasa Kebangsaan ini mesti dipergunakan di mana-mana juga dalam negara pada tahun 1967 iaitu selepas 10 tahun kita mencapai kemerdekaan iaitu tahun 1957. Cuma dalam tahun 1989 baru Rang Undang-undang ini dikemukakan dan baru sahaja kita luluskan. Ini menunjukkan selama

22 tahun tempoh sepatutnya Rang Undang-undang ini diluluskan, kita beri peluang kepada mereka yang belum fasih dengan Bahasa Kebangsaan, yang belum belajar dengan Bahasa Kebangsaan, yang belum faham dengan Bahasa Kebangsaan supaya mempelajarinya kerana janganlah menjadikan tandatanya kepada kami.

Di samping mereka belajar Bahasa Kebangsaan, mereka juga belajar bahasa Inggeris tetapi sebaliknya, mereka lebih baik bertutur dalam bahasa Inggeris tetapi mereka tidak baik bertutur dalam Bahasa Kebangsaan. Kenapa? Pada hal mereka turut belajar di masa yang sama, sedangkan Bahasa Kebangsaan lebih mudah dipelajari daripada bahasa Inggeris. Itulah sifat minat dengan tidak minat yang menjadi persoalan. Kalau kita betul minat, macam mana benda susah akan menjadi mudah dan paling senang bagi kita. Di situlah letaknya kejujuran, keiklasan kita mengamalkan sesuatu perkara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, saya juga mahu melihat Kementerian Kehakiman, terutamanya di mahkamah-mahkamah, masalah kes-kes yang belum selesai supaya dapat diselesaikan dengan segera, kerana kita telah mengadakan satu peruntukan yang baik dan kebelakangan ini kita lihat Ketua Hakim Negara telah memahami selok-belok pentadbiran negara di bawah pentadbiran Barisan Nasional, maka telah dapat memberikan kerjasama, bukan kami menuduh dia bias, tetapi sekurang-kurangnya dia telah dapat menunjukkan yang beliau boleh bekerjasama dengan Kerajaan yang memerintah dan kami sebagai Kerajaan tidak pernah mengambil alih tugas-tugas mana-mana pihak setelah kami bagi.

Tetapi yang penting, mana-mana pihak juga yang telah kami berikan tugas, jalankan tugas itu dengan baik. Kami mahu mengamalkan betul-betul corak pemerintahan demokrasi berparlimen, Raja berperlembagaan. Ada juga negara-negara lain yang bercorak demokrasi tetapi dia masih juga menggunakan kuasa kongkong, menggunakan kuasa menindas terutamanya mahkamah mesti dengar cakap Kerajaan, Hakim mesti dengar cakap Kerajaan. Kalau sekiranya Kerajaan sudah membuat keputusan, hakim tidak boleh over-rule, mahkamah tidak boleh over-rule, tetapi dalam negara kita, dahulu pernah berlaku, Kerajaan telah membuat keputusan tetapi bila sampai orang yang berkenaan challenge kes ini ke mahkamah, maka mahkamah membuat keputusan lain daripada Kerajaan. Ini sekurang-kurangnya memalukan Kerajaan seolah-olah Kerajaan tidak mempunyai kuasa. Tetapi alhamdulillah, perkara-perkara yang mempunyai niat buruk, niat-niat tidak baik ini semua, akhirnya musnah.

Akhirnya, dengan kuasa Allah s.w.t., maka kita mempunyai seorang Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim di bawahnya semuanya mempunyai satu pengertian yang mendalam. Inilah tugas mereka yang sebenarnya dan dapat bekerjasama dengan Kerajaan. Tahniah, syabas saya ucapkan kepada Kementerian Kehakiman terutamanya kepada hakim-hakim semua.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.54 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Secara kebetulannya Timbalan Menterinya ada di sini, yang akan mempunyai belanja peruntukan sebanyak \$50,407,400. Saya cuma hendak meminta Kementerian ini tegas sedikit di atas penyelewengan pemaju-pemaju perumahan terutama dalam bandar supaya Kementerian ini tidak teragak-agak mengambil tindakan dan rampas projek ini, serahkan kepada syarikat-syarikat yang berkemampuan untuk meneruskan projek itu supaya rakyat tidak tertipu oleh kerana apabila ada satu penipuan dalam negara, tidak kira daripada mana datangnya bila mula rakyat bercakap fasal penipuan, maka ianya akan membabitkan, menjejaskan nama baik Kerajaan kerana Kerajaan tidak bertindak seolah-olah anggapan rakyat Kerajaan tidak bertindak maka saya mencadangkan supaya Kementerian yang berkenaan, terutama Datuk Hussein, saya tahu Datuk Hussein tegas, ambil tindakan dan jangan beri peluang. Mereka yang banyak menipu rakyat ini bukan orang susah, orang kaya yang banyak menipu orang susah. Ini yang berlaku dalam negara kita. Itu sebabnya sekarang adanya jenayah kolar putih dan sebagainya. Dahulu mana ada perkataan jenayah kolar putih? Jenayah kolar putih ini, atau yang membuat kerja ini tangan dia orang yang lembut-lembut, yang lembut daripada tangan perempuan kerana tidak pernah pegang cangkul, tidak pernah buat kerja-kerja berat. Itu fasal kita panggil dia jenayah kolar putih. Saya akan cerita 'jenayah kolar putih' ini apabila sampai kepada peruntukan Polis Diraja nanti.

Selain daripada itu, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga terdapat ada kampung-kampung baru, kampung

tradisi dan sebagainya. Saya tidak mahu dengar lagilah pada tahun akan datang adanya kampung baru, kampung **ini**, kampung **itu**. Selaraskan semua kerana apabila tidak diselaraskan seolah-olah ia menunjukkan Kerajaan tidak ada bagi kemudahan di kampung-kampung baru tetapi apa yang kita lihat, kampung baru lebih banyak dapat kemudahan daripada kampung tradisi. Tetapi masih lagi kita dengar suara-suara mengatakan kampung baru tidak dapat peluang, terutamanya dalam pilihanraya, ini menjadi satu isu besar. DAP akan memainkan peranan, dia akan berucap ke sana, ke sini untuk mendapatkan pengaruh daripada kaum-kaum Cina, konon-kononnya dialah pejuang orang Cina.

Sebenarnya yang kami tahu, yang memperjuangkan orang Cina ialah MCA tetapi DAP cuba hendak mengambil nama. Itu sebabnya kadang-kadang bila MCA bercakap marah-marah kepada orang Melayu ini saya tidak marah sangat sebab orang Melayu pun kadang-kadang marahkan kepada orang MCA tetapi bila sampai kepada pilihanraya kita kena bersatu dan menentukan jangan DAP cuba mengelirukan orang Cina seolah-olah dia sahaja memperjuangkan orang Cina. DAP hanya memperjuangkan orang Cina ketika pilihanraya, itu sahaja dan dia menjadi batu api. Jadi, saya minta kalau boleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyelaraskan tidak ada lagi perkataan kampung baru, dimansuhkan, selaras dengan kampung-kampung yang lain,

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba yang mendapat peruntukan pada tahun 1990 sebanyak \$73,875,100.

Kapada Jabatan Perkhidmatan Bomba kita berikan tahniah. Memangnya adalah satu jabatan yang bekerja begitu cemerlang, sentiasa menghadapi cabaran di dalam menyelamatkan kebakaran dan sebagainya tetapi saya mengharapkan Kerajaan beri pandangan dan mengambil perhatian beri terhadap kereta-kereta bomba untuk hendak

dipergunakan. Kalau sudah ada kereta-kereta yang lama, gantikan dengan kereta baru dan kemaskan dengan alat-alat memadam api sekali. Terutamanya dalam bandar, Tuan Yang di-Partua, itu sebabnya kawasan-kawasan dalam bandar apabila jadi kebakaran, pihak bomba lambat sampai bukannya dia lambat dapat panggilan tetapi dia lambat sampai kerana kesesakan lalu-lintas maka dari itu, maka saya mencadangkan pasukan bomba juga mesti mempunyai mobile squad. Apabila dapat panggilan kebakaran, mobile squad kena jalan dahulu, clearkan jalan, kadang-kadang ada dekat $\frac{1}{2}$ batu, kereta bomba hendak sampai dekat traffic-lights tetapi kereta di hadapan tidak dengar tetapi dengan adanya mobile squad, sekurang-kurangnya dia dapat clearkan dalam masa $\frac{1}{2}$ batu begitu panjang hendak sampai dari satu traffic light ke satu traffic-lights yang lain.

Saya percaya dalam bandar semacam Kuala Lumpur ini, sudah patut kita mempunyai sistem-sistem yang baik-baik belaka kerana negara kita sudah maju dan kita telah menjadi sebuah negara yang dikenal oleh dunia. Maka janganlah masih ada perkara-perkara yang kita anggap boleh menghalang kemajuan dalam negara kita dengan perkara-perkara yang kecil seperti yang saya sebutkan tadi.

Saya harap Yang Berhormat Datuk Hussein sebagai Timbalan Menteri yang berkenaan akan dapat mengambil pandangan dan perhatian dalam perkara yang saya sentuhkan tadi.

Saya juga menyentuh B.17 - Kementerian Belia dan Sukan yang akan mendapat peruntukan sebanyak \$38,644,900.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana kejayaan SEA Games baru-baru ini.

Saya juga mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan yang bertanggungjawab dalam segala sukan dalam negara kita supaya mengadakan satu latihan kepada peserta-peserta sukan supaya

mereka yang benar-benar menahami semangat kesukanan supaya tidak akan timbul perasaan, sebalik pada itu, menimbulkan pergaduhan dan yang lain-lain kerana apabila peristiwa berlakunya pertandingan bolasepak di antara Sarawak dengan Kuala Lumpur baru-baru **ini**. Ini menunjukkan negara kita ini seolah-olah telah balik kepada zaman sebelum merdeka dahulu di mana rakyat seolah-olah tidak boleh berfikir benda yang baik dengan benda yang tidak baik, maka perkara itu telah berlaku. Saya harap supaya Kementerian ini mengadakan satu pasukan ataupun satu badan yang boleh memberikan latihan kepada semangat kesukanan kepada tiap-tiap peserta sukan di dalam menjayakan sukan mahupun dia merupakan peserta sukan di peringkat negara atau di peringkat mana-mana juga.

Selain daripada itu, saya juga mengharapkan Kementerian Belia dan Sukan mengambil berat di dalam menjayakan dan meninggikan mutu permainan bolasepak negara kita. Pasukan badminton negara kita, pasukan hoki negara kita, kenapa kebelakangan ini saya nampak sudah menurun mutu permainannya. Kalau sekiranya tidak ada budget untuk diperuntukkan pada pemain-pemain yang mewakili negara kita, saya harap Kementerian ini dapat adakan peruntukan yang tertentu supaya bila ada peruntukan yang tertentu kepada mereka, saya percaya mereka akan mempunyai satu semangat betul-betul ingin mengharumkan negara. mewakili apa juga pasukan yang mereka wakili.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh B.19 - Kementerian Pertanian yang mempunyai peruntukan sebanyak \$676,760,500.

Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian ini, terutama kepada Menteri, Dato' Seri Sanusi Junid sebagai seorang Menteri, seorang pemimpin yang banyak idea, yang banyak

mempunyai perkara-perkara yang tidak pernah kita tengok tetapi ada dalam kepalanya. Satu daripadanya Rancangan Pertanian Taman Pertanian Bukit cerakah yang mendapat pujian, bukan hanya daripada rakyat jelata, bahkan juga daripada pelancong-pelancong kita.

Saya harap perkara-perkara yang belum diperkemaskinikan di Bukit Cerakah itu dapat diperkemaskan agar ianya merupakan satu Taman Pertanian yang betul-betul menjadi tempat lawatan kepada semua pelancong dalam negara kita.

Saya ingin menyentuh masalah lesen menangkap ikan di lautan dalam, ini juga saya ingin menasihatkan kepada Kementerian supaya bertindak memastikan supaya lesen ini bukan satu perniagaan Ali-Baba, kerana saya selalu dengar cerita berkenaan lesen menangkap ikan di lautan dalam ini. Saya harap saya tidak akan menyentuh banyak Kementerian Pertanian cuma satu dua perkara, mana yang pernah ditanya, disoal oleh rakyat jelata. Selain daripada itu, saya memberi kepujian kepada Menteri Pertanian yang semenjak beliau mengambilalih Kementerian Pertanian, saya lihat berbagai-bagai perkara mendapat sambutan daripada rakyat jelata daripada Kementerian itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, B.21 - Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang akan memperolehi peruntukan sebanyak \$99,782,900. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Kebudayaan dan Pelancongan yang dapat memperkenalkan kebudayaan Malaysia, cuma satu sahaja saya hendak sentuh, saya percaya Ahli-ahli Dewan Negara juga bersetuju, kenapa sebarang function yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak pernah kami daripada Ahli Dewan Negara ini mendapat jemputan. Saya harap kalau ada pegawai di dalam ini tolong catitkan, adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak mahu berkawan dengan kami daripada Ahli Dewan Negara ataupun terlupa, kalau terlupa ingat, lain kali kalau ada function sila jemput kami.

Saya tengok Kementerian lain semua pernah jemput kita, Kementerian Kebudayaan sahaja tidak pernah jemput. Saya pun ingin juga, kami daripada Ahli Dewan Negara ingin juga hendak melihat function daripada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sekurang-kurangnya apabila kami berhadapan dengan rakyat jelata, dapatlah kami menjawab soalan-soalan kalau dikemukakan masalah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, itu sendiri. Lain tidak ada apa benda saya hendak sebut mengenai Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, lainnya semua berjalan dengan baik, cuma jemputansahaja. Sebenarnya kami pun pandai juga kecil hati, kalau ada pegawai-pegawai tolong catit.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, B.23 yang diperuntukkan kepada Jabatan Arkib Negara memperoleh \$7,343,500. Jabatan Arkib Negara adalah satu Jabatan yang bertanggungjawab menyimpan segala khazanah, bahan-bahan yang boleh dijadikan sejarah untuk anak-cucu kita. Peristiwa Rundingan Damai di antara Kerajaan dengan Parti Komunis Malaya baru-baru ini juga mesti ditayangkan, ditunjuk dan dijadikan bahan sejarah dan masukkan dalam program 'Hari ini Dalam Sejarah'.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka yang memainkan peranan yang pertama sekali berjumpa dengan kumpulan Parti Komunis Malaya. Saya difahamkan Pemangku Timbalan Ketua Polis Negara kita sekarang Dato Abdul Rahim bin Mohd. Noor, saya mengucapkan syabas kepada beliau, terutamanya syabas kepada pihak Polis di dalam merahsiakan rundingan, pertemuan permulaan di antara Kerajaan, Pasukan Polis Bahagian Cawangan Khas dengan dengan Parti Komunis Malaya yang mana ketika itu tidak pernah terdetik perkara ini

kepada kami. Ini menunjukkan satu rahsia yang betul, yang dinamakan rahsia, kerana saya, terpaksa sebut dan mengatakan tahniah tadi, pertama dapat menyimpan rahsia dengan baik.

Yang kedua, rundingan itu berjaya kalau dibezakan dengan rundingan tahun 1955 zaman Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dahulu tidak berjaya, Chin Peng tidak hendak berbaik, tidak tahu apa fasal, tetapi sekarang pula Chin Peng mahu baik.

Sebenarnya, Chin Peng berjuang, Parti Komunis Malaya berjuang bukan kerana marahkan kepada rakyat Malaya untuk memperjuangkan kemerdekaan, dia marah kepada Mat Saleh, tetapi dia tidak hendak berbaik, sekarang dia mahu baik, dia memuji Kerajaan kita di bawah pimpinan Dato' Seri Dr.Mahathir. Kalau sudah komunis boleh puji kita, boleh puji Kerajaan kita, boleh puji Perdana Menteri, kenapa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Yang Berhormat Tuan. Karpal Singh, Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan lain-lain ini tidak mahu memuji. Ini yang paling pelik, yang paling hairan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau Parti Komunis Malaya boleh memuji Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri yang baik, boleh membangunkan negara, mencerminkan satu keharmonian, tetapi masih ada lagi rupa-rupanya komunis yang tidak bersenjata ini lebih jahat perangai dia daripada komunis yang bersenjata. Walau macamapun, kita lupakan **dia**, kita anggap ibarat biarlah "si luncai terjun dengan labu-labunya". Kita teruskan pemerintahan kita untuk rakyat jelata,

Berkenaan bahan sejarah ini, saya minta Jabatan Arkib Negara jangan lupa dan mesti ada simpan dalam Jabatannya perkara ini dan saya juga mendesak Kerajaan supaya mengadakan satu bintang, anugerah Bintang Pahlawan betul-betul kepada mereka yang melibatkan diri di

dalam rundingan perdamaian dengan Parti Komunis Malaya kerana ini bukan satu perkara yang boleh siapa-siapa buat, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau saya sendiri pun kalau dihantar pergi berunding mungkin menggeletar kaki, lutut saya hendak jumpa dengan komunis, ini bukan komunis boleh lawan bergumpal sahaja, ini boleh 'shoot to kill'. Tetapi dengan kejayaan ini, maka saya rasa tidak salah kalau kita beri gelaran sebagai pahlawan negara, inilah betul-betul pahlawan, kerana dia pergi bukan ramai satu dua orang, macam Tunku Abdul Rahman memperjuangkan kemerdekaan dahulu bukan beliau pergi seorang, ramai menyokong. Pada masa itu saya ingat ibu-bapa saya tidak ada duit, keluar gelang semuanya bagi duit tambang, bukan beliau seorang. Kita boleh bagi gelaran betul-betul pahlawan yang pergi seorang dua yang kita fikirkan benda itu tidak munasabah dibuat, tetapi munasabah, ini baru kita boleh gelar dia pahlawan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, B.25 - Kementerian Pertahanan. Yang Berhormat Mulia tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj sudah keluar, kalau tidak senang puji dia tadi, tetapi walau macam manapun saya mengucapkan tahniah juga kepada Kementerian ini yang mempunyai peruntukan pada tahun akan datang sebanyak \$2,309,459,000.

Pertama, tahniah kepada Kementerian Pertahanan di atas kejayaan negara kita sekarang dari segi dasarnya sudah sampai kejayaan iaitu damai, maknanya keselamatan negara kita sudah tidak terancam lagi, kerana selama ini kita tahu yang mengancam kita adalah Parti Komunis Malaya yang bersenjata, tetapi dengan perjanjian maletakkan senjata maknanya negara kita pada dasarnya bolehlah dianggap damai, tetapi

walaupun macam manapun, saya ingin mengulangi lagi sekali, walaupun perjanjian sudah kita terima untuk gencatan senjata, tetapi biarlah kepada semua pegawai-pegawai yang terlibat di dalam menjalankan tugas bertanggungjawab untuk keamanan negara mahupun keselamatan negara, selalu gunakan falsafah kepada mereka yang datangnya daripada penyokong ataupun yang melibatkan diri dengan Parti Komunis Malaya ini walaupun kita sudah berdamai, suspect everybody and trust nobody, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Kerana falsafah ini tidak syak lagi, yang tidur makanan sijaga. Kalau kita semua tidur dan kita anggap dia tidur tetapi dia tidak tidur sebenarnya, maka dia akan makan kita. Jadi itu sebabnya saya gunakan falsafah itu. Saya percaya pegawai-pegawai Kerajaan yang bijak-bijak laksana boleh mentakrifkan peribahasa "Suspect everybody and trust nobody" kepada perjanjian gencatan senjata, perjanjian damai, perjanjian perletakan senjata ini sahaja. Kita tidak boleh beri 100% kepercayaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kementerian Pertahanan. Saya minta benar-benar mengambil tahu masalah walaupun kita sudah tidak ada musuh, komunis sudah meletakkan senjata, tetapi kita terpaksa memperbesarkan pasukan tentera kita, terpaksa menyediakan senjata-senjata yang lengkap kerana bila-bila masa boleh berlaku sesuatu. Saya pernah bercakap dalam Dewan ini juga, dengan munculnya base Amerika di Singapore, ini juga menjadi tandatanya kepada kita semua dan macam-macam boleh berlaku kerana negara Malaysia adalah negara yang diminati oleh seluruh bangsa dalam dunia kerana negara kaya dengan segala-galanya, dalam laut pun ada hasil, dalam tanah pun ada hasil, atas awang-awang pun ada hasil. Itu menunjukkan negara kita ini kaya. Siapa yang dilahirkan oleh Tuhan dalam Malaysia ini bersyukurlah kepada Tuhan, tidak ada negara dalam dunia ini yang terdapat macam Malaysia ini, punya kayanya dalam segala-galanya, punya amannya, punya harmoninya, punya baik-baik

belaka. Kita harus bersyukur kepada Tuhan. Maka kepada sesiapa juga yang sudah dapat betis itu janganlah minta sampai ke peha, cukuplah, bersyukur kita kepada Tuhan, yang mana tidak boleh jumpa dalam negara lain.

Tengok di negara Malaysia ini punya bertuah, Menteri Melayu ada, Menteri daripada kaum Cina ada, Menteri daripada kaum India ada, punyalah baik-baiknya. Kita pergi ke India, kita tidak boleh jumpa Menteri Melayu, tidak boleh jumpa Menteri Cina Ada Menteri orang Cina di India? Sorry. Pergi ke negeri China pun begitu juga, kita tidak boleh jumpa Menteri Melayu, tidak boleh jumpa Menteri India tetapi di sini, Alhamdulillah, semua bangsa ada jadi Menteri, ada jadi pemimpin. Itu sebab saya katakan bersyukurlah kepada Tuhan.

Contohnya pada hari ini, kita dalam Dewan ini menjadi satu kenyataan juga. Tengok, kita punya Tuan Yang di-Pertua daripada kaum Cina, saya daripada kaum Melayu terpaksa duduk di bawah, bercakap terpaksa minta izin, kalau dia kata duduk, saya kena duduk. Begitu indahnyanya di Malaysia ini. Apa lagi yang kita hendak minta, lagi baik kita duduk berpakat, sama-sama kita mententeramkan negara kita ini, sama-sama kita membangunkan negara kita ini untuk kepentingan anak-cucu kita akan datang di mana ketika itu benar-benar negara Malaysia adalah merupakan negara yang datang daripada satu bangsa, satu keturunan, tidak ada lagi hendak memperhinkan orang Melayu, tidak hina orang Cina, tidak hina orang India, orang Cina pun tidak rendahkan daripada orang Melayu, tidak rendahkan orang India, begitu juga orang India pun tidak akan direndahkan kerana latihan semangat ingin hidup di dalam satu nagara yang datang daripada berbilang kaum tetapi mempunyai satu kefahaman yang sama, Satu kepentingan yang

sama, satu kebudayaan yang sama, satu tujuan yang sama.

Maka saya percaya kalau kita dapat amalkan **ini**, negara kita akan menjadi satu negara yang lebih cerah, lebih cemerlang, lebih manfaat kepada semua kaum untuk generasi kita yang akan datang. Tetapi kalau masing-masing debik dada, saya orang Melayu mahu cakap hal orang Melayu. Datang pula kaum Cina cakap "saya orang Cina mesti mahu cakap fasal orang Cina," datang kaum India cakap "saya orang India mahu cakap fasal orang India". Selagi diamalkan benda **ini**, selagi itu taubat Malaysia tidak akan aman. Tetapi kalau lupakan semua semangat ini, semangat perkauman, semangat ingin hendak memperjuangkan kaum masing-masing, kita terus bawa kepada satu matlamat bahawa ini negara Malaysia, semua rakyat kena taat-setia dengan negara, taat-setia kepada Raja yang berpelembagaan dan sama-sama mempertahankan Perlembagaan, negara, undang-undang negara, maka saya percaya negara kita will be one of the best countries in the world, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Selain daripada **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendesak pihak Kementerian Pertahanan supaya meneliti semua kenderaan-kenderaan yang dipergunakan oleh Kementerian Pertahanan terutama sekali tentera, pasukan keselamatan mahupun dengan kapalterbangnya, dengan helikopternya, supaya benar-benar ia merupakan satu kenderaan yang betul-betul tidak merbahaya kepada pasukan. Kita tidak mahu dengar lagi ada helikopter jatuh terhempas, kapalterbang jatuh, kalau jatuh itu, kadangkala kerana ajalnya, tetapi kalau jatuhnya itu kerana setelah diperiksa bahawa dia jatuh kerana telah lama, telah usang, kerana injinnya telah lama, maka ini adalah satu perkara yang paling dukacita pada diri saya, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan, kepada mereka yang mendapat bintang gelaran Gagah Berani dan ada lagi satu bintang yang lebih tinggi daripada itu, kalau ahli sukan negara mendapat saguhati, mendapat bayaran istimewa, atau kejaguhannya sedangkan ianya bersukan sahaja, memperkenalkan dan mengharumkan negara - ini adalah satu pengorbanan yang cagarannya baru dia dapat bintang Gagah Berani dan bintang - saya pun tidak tahu menyebutkan, lebih tinggi daripada Pingat Gagah Berani - sepatutnya orang-orang ini kita kena beri dia elaun, beri dia saguhati sebagai tanda penghormatan ketika dia berjuang menjadi pahlawan sebenar-benar pahlawan di dalam Angkatan Tentera ketika dia bertugas kerana bukan senang hendak dapat bintang Gagah Berani ini, Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya dia mesti bertempur dengan komunis, dengan musuh. Setelah mengorbankan musuh baru dia dapat bintang Gagah Berani ini dan patut sekali, wajar sekali kalau Kerajaan memberikan satu peruntukan sebagai peruntukan saguhati kepada mereka ini mengenang jasa dan pengorbanan mereka sepanjang mereka bertugas.

Saya juga akan menyentuh masalah rumah tempat kediaman (quarters) kepada pasukan tentera yang mana saya difahamkan pasukan tentera masih lagi berkurangan rumah tempat kediaman. Saya menasihatkan Kementerian Pertahanan, di dalam menjayakan projek ini saya rasa adalah lebih baik kerana Kementerian Pertahanan itu sendiri mempunyai satu pasukan yang dipanggil Jurutera yang lebih faham untuk membuat bangunan mahupun bangunan rumah ataupun apa jua, apa salahnya dapatkan hanya bahan-bahan bangunan daripada Kerajaan dan buat dengan kepakaran sendiri melalui Jurutera daripada Kementerian Pertahanan.

Ini sekurang-kurangnya dapat menyelamatkan wang negara, daripada kita terpaksa mengadakan satu peruntukan yang lain untuk mengadakan rumah kediaman tentera yang tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi kepada B.26 - Kementerian Pendidikan yang mempunyai peruntukan yang terbesar sekali daripada semua Kementerian-kementerian yang lain iaitu sebanyak \$4,664,243,600.00. Kementerian Pendidikan adalah satu Kementerian yang memainkan peranan penting di dalam menentukan pendidikan anak-anak yang akan mewarisi kepimpinan negara di masa akan datang. Maka dengan itu perlulah Kementerian ini mengambil tahu masalah sekolah-sekolah yang usang, patut diperbaiki, diperbaiki, perkakas-perkakas sekolah, meja, kerusi dan sebagainya, ada sekolah yang berkehendak komputer terpaksa diadakan latihan dan sebagainya. Di samping itu saya juga mendesak Kementerian Pendidikan, ia mesti memainkan peranan penting dari mula lagi kanak-kanak ini mesti dibendung, mesti dididik di dalam menentukan taat setia dan sayang, cintakan kepada negara Malaysia. Kementerian Pendidikan harus memainkan peranan penting kerana semua kaum dari kanak-kanak bermula daripada sekolah dan mesti diberikan latihan supaya mereka ini betul-betul mempunyai semangat apabila mereka besar, dewasa nanti, mereka tidak teringat lagi negara lain, malahan negara Malaysia inilah sebagai negara yang mana mereka fikirkan mereka dilahirkan, mereka akan hidup dan mereka akan mati di sini, maka sudah tentu mereka mencurahkan kasih sayang dan cintakan negara Malaysia tanpa berbelah bahagi.

Selain daripada itu, ada perkara-perkara kecil yang berlaku. Masalah kebocoran kertas peperiksaan. Kami hendak maklumkan kepada pegawai-pegawai yang datang dari Kementerian Pendidikan, kami tidak

menyalahkan Menteri kamu, takkanlah kertas peperiksaan pun Menteri hendak ambil tahu. Menteri telah dipertanggungjawabkan untuk menentukan keseluruhan perjalanan pentadbiran Kementerian, takkanlah dia hendak jadi 'bodyguard' untuk ikut kertas periksa ini dan pergi hantar ke printing untuk diprint. Tetapi mereka yang menyeleweng inilah yang harus dikecam dan dianggap sebagai pengkhianat kepada negara. Tidak cukup dengan gaji, sanggup melakukan satu perkara yang memalukan negara Malaysia sehingga berlakunya kebocoran kertas peperiksaan. Bila berlaku penyelewengan dalam mana-mana Kementerian, yang bertanggungjawab adalah Menteri.

Contohnya, dalam Perhimpunan Agung UMNO Malaysia baru-baru **ini**. Teruk Yang Berhormat Saudara Anwar Ibrahim kena soal. Takkanlah ini hendak salahkan beliau di atas kebocoran kertas periksa ini, tetapi oleh kerana dia terpaksa bertanggungjawab sebagai Menteri, terpaksa 'surrender' angkat kedua-dua belah tangan. Kalau tidak teruk kena balon lagi. Inilah caranya pemimpin, bila sudah diberi tanggungjawab, dia sudah minta semua pegawai bawahannya bertanggungjawab supaya bekerja dengan betul, tetapi kerana ada penyelewengan satu, dua perkara, maka pemimpin itulah yang akan dipersoalkan dan akan dipertanggungjawabkan.

Saya mengharapkan perkara ini tidak akan berlaku lagi dan saya mencadangkan supaya pencetak mencetak kertas periksa ini, kalau boleh di dalam negara kita kerana di dalam negara kita juga sudah mempunyai kemampuan, apa perlu kita hendak menghantar ke luar negara lain untuk mencetak, sedangkan kita sudah mempunyai berbagai teknologi yang boleh setanding dengan negara-negara yang sedang maju, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mencadangkan kepada

mereka yang telah terlibat di dalam membocorkan kertas peperiksaan yang saya anggap sebagai pengkhianat negara mesti dihukum dengan setimpal hukuman kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, B.27 - Kementerian Luar Negeri yang akan mempunyai peruntukan sebanyak \$140,342,200. Pertamanya, sebelum saya meneruskan teguran saya kepada Kementerian ini, saya mengucapkan, tahniah kepada Kementerian, terutama kepada Menteri. Tahniah saya sampaikan ini kerana kejayaan CHOGM. Tanpa usaha sama dan kerjasama daripada Kementerian Luar sudah barang tentu CHOGM tidak dapat kita diadakan di negara kita yang berjalan dengan baik. Di samping itu, Kementerian Luar juga kebelakangan ini telah banyak memainkan peranan, untuk memperkenalkan negara Malaysia di luar negeri yang membuatkan lebih ramai pelancongan datang ke negara kita dan ini semua atas inisiatif dan daya usaha yang telah dibuat dan dilakukan oleh Kementerian Luar.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kedutaan Malaysia di Philippines baru-baru ini di bawah Kementerian Luar yang mengambil tahu, yang memberi layanan begitu baik dan mengambil berat kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang telah menghadapi masalah dan mendapat satu perkara yang tidak pernah diduga sama sekali berlaku di masa coup d'etat di Philippines baru-baru ini, ketika Ahli-ahli Dewan Negara sedang buat lawatan ke negara-negara Asia. Atas layanan yang diberi oleh Pegawai-pegawai Kementerian yang bertanggungjawab di Kedutaan Malaysia di Philippines, saya sebagai Setiausaha Kelab Senator mengucapkan terima kasih dan saya berharap semua Kedutaan yang lain di negara-negara lain mesti mengikut contoh tauladan apa yang telah ditunjukkan oleh Pegawai-pegawai Kedutaan di Philippines baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas kepada Kementerian Luar di atas usahanya yang begitu gigih yang dapat mempengaruhi negara-negara lain dalam dunia supaya memberikan sokongan kepada negara Malaysia di dalam merebut jawatan Kerusi 'Ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini satu perkara yang saya patut sampaikan, pujian kepada Kementarian luar dan saya mendoakan Kementerian Luar, yang saya anggap selalu berumah dalam kapalterbang, apabila pergi menjalankan tugas di negara luar selamat pergi, selamat balik tanpa menghadapi sebarang halangan. Kerana saya terpaksa sebut begitu, Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang kita tahu sesiapa sahaja yang menjadi Menteri Luar menang selalu bertugas pergi ke negara luar untuk menjadi wakil kepada Kerajaan kita, maka tidak syaklah kalau saya menyatakan beliau ini selalu bertemu di dalam kapalterbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh Maksud B.33, iaitu Kementerian Perusahaan Awam yang mempunyai peruntukan \$22,032,400. Saya mengucapkan syabas kepada Menteri yang berkenaan sebab isu permit teksi Saujana kerana beliau sebagai seorang perempuan dan seorang diri pula itu, dia sanggup menghadapi masalah ini dengan cekal dan tabah. Sebab itu saya katakan tahniah dan syabas kerana keberaniannya. Jangan latah apabila dia dapat melaksanakan tugasnya sebagai Menteri walaupun ada rakyat yang mempersoalkan mengapa beri kepada Saujana sahaja, mengapa tidak beri kepada syarikat-syarikat yang lain, pada mulanya bila rakyat tidak diberi kefahaman dengan sejelas-jelasnya. Sekarang rakyat sudah faham, maka sebab itu saya mengucapkan syabas dan tanhiah.

Cuma saya harapkan Yang Berhormat Menteri berkenaan kalau sudah 2,000 permit teksi dikeluarkan dalam bandar-bandar ini, saya takut-takut teksi sama teksi ini bertumbuk besok, Tuan Yang di-Pertua, kerana berebut 'passenger'. Kalau sudah macam anak ayam teksi dalam bandar, mana datangnya 'passenger' lagi? Ini yang saya takut. Tidak tahulah saya kalau dasar ini menguntungkan rakyat, saya mengucapkan syabaslah, tetapi kalau ianya lebih menerukkan rakyat terutamanya kepada pemandu-pemandu teksi, saya begitu berasa kesal.

Selain daripada itu, saya harapkan Menteri yang berkenaan supaya meneliti dengan semasak-masak di dalam menjayakan apa jua dasar yang diputuskan oleh Kementeriannya. Saya juga ingin menyentuh masalah UDA di bawah Kementerian beliau. UDA ini dipengerusikan oleh seorang wanita - minta maaf, jangan pula Senator wanita melenting apabila saya bercakap. Ini satu badan

paling berat dan paling besar kerana saya nampak ada satu dua projek dalam kawasan saya juga gagal dan terbengkalai. Adakah terbengkalainya projek ini menyebabkan Pengerusi UDA ini tidak cekap atau pun dia tidak boleh buat kerja ini? Itu saya pun tidak fahamlah, kalau saya katakan perempuan tidak layak menjadi Pengerusi UDA, nanti marah pula orang perempuan, tetapi ada yang lebih layak lagi di antara perempuan lain, wanita lain. Mengapa tidak diletak sekurang-kurangnya seorang yang 'PR'nya dengan orang ramai bagus - umpamanya kalau diletakkan Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin - 'PR'nya dengan orang ramai bagus ataupun Senator Mazidah, Puan Rogayahkah atau Hajjah Salbiah. Tetapi ini diletakkannya orang yang tidak pernah campur orang, ini yang masalah, Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau sebuah syarikat hendak maju pun orang pandang siapa 'Chairman'nya, siapa Pengerusinya. Kalau Pengerusinya tidak pernah campur orang, sudah tentu orang itu tidak akan mendapat kejayaan baik kerana saya hendak orang pergi tolong pun, susah sebab 'Chairman'nya tidak campur orang.

Ini saya minta atas dasar apa jawatan Pengerusi UDA ini diberi kepada Yang Berhormat Siti Zainabon - minta maaf saya sebut namanya. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain ramai lagi - Puan Ainon Ariffin lagi bagus, dia pua seorang 'business lady'. Saya juga ingin menasihatkan kepada Menteri-menteri, kalau hendak melantik seseorang memegang jawatan yang penting dalam badan-badan sebagai Chairman atau ahli Lembaga, biarlah orang-orang ini boleh sama-sama membantu membawa pengarah, menolong kita ketika dalam terdesak, ketika menghadapi masalah dengan orang ramai.

Sekarang tengok, apabila Menteri yang berkenaan, Dato' Napsiah Omar sendiri menghadapi masalah daripada rakyat berkenaan teksi

Saujana dan berbagai-bagai lagi, mana sahabat handainya yang dilantik menjadi Pengarah atau Chairman inikah datang ke hadapan sama-sama memberi penerangan kepada orang ramai, mana? Cuba lantik kami-kami ini sekurang-kurangnya kami boleh mengumpulkan dan beritahu orang ramai "okay, hendak tahu hal teksi, okay, saya akan beritahu, begini begitu." Itu gunanya kalau kita hendak melantik orang, biar lantik orang yang boleh menyokong kita betul-betul - bukan 'sokong buat rebah', kata perbidalan orang Melayu.

Ini bukan Menteri ini sahaja, saya nasihatkan semua Menteri termasuklah Dato' Hussein kalau jadi menteri penuh besok, hendak lantik orang ada kuasa, pandang rakan-rakanlah - pandang kiri kanan dahulu, terutama kawan yang biasa menolong kita. Tetapi itulah Dato' Hussein bila dia hendak jadi Menteri penuh, kita doakan sahaja.

Dato' Haji Husseia bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau jadi, saya lantik dia. **[Ketawa]** .

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum dia jawab, bila dia berdiri saya sudah tahu apa dia jawapannya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Dato'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B.32 - Kementerian Kesihatan yang mempunyai peruntukan \$1,278,135,500.

Kementerian Kesihatan adalah satu Kementerian yang boleh dikatakan mengambil tahu dan mengambil berat orang susah kerana pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan terpaksa pergi menemui hospital-hospital besar dan sebagainya di bawah Kementerian Kesihatan. Oleh kerana saya tahu perkara **ini**, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya peruntukan ini tidak cukup kepada Kementerian Kesihatan, saya minta pihak Kerajaan dapat menambah di dalam peruntukan tambahan.

Hospital-hospital besar haruslah diberi peruntukan lebih

terutamanya di dalam bandar Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, saya berani bercakap atas hal ini kerana dahulu saya pernah menegur dan pernah mengkritik Kementerian Kesihatan, tetapi apabila saya duduk sebagai Pengerusi Pelawat Hospital Besar Kuala Lumpur sekarang, maka saya tengok dan saya dapat lihat dengan mata kasar saya sendiri, memang tidak cukup peruntukan yang diberikan kepada hospital besar melalui Kementerian Kesihatan. Jadi oleh kerana tidak cukupnya peruntukan, maka jadilah kekurangan jururawat (nurse), kekurangan doktor dan kekurangan kawasan tempat tidur untuk pesakit-pesakit. Bagi seseorang nurse kalau dibandingkan dengan ramainya pesakit yang berada dalam hospital, memang tidak sepatutnya seorang nurse terpaksa menjaga lima, enam sampai sepuluh orang pesakit.

Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan memberikan tambahan kepada Kementerian Kesihatan agar Kementerian ini dapat benar-benar menggunakan wang peruntukan yang diberikan kepada Kementeriannya untuk hospital-hospital besar, bukan hanya di Kuala Lumpur, malahan di bandar-bandar yang lain yang memerlukan bantuan secukupnya untuk sama-sama memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Saya terpaksa sentuh perkara ini, kerana orang ramai apabila mereka dapat cukup segala-galanya, memang kita tahu orang ramai tidak akan pernah memuji seratus peratus, tetapi sekurang-kurangnya apabila kita dapat mengatasi semua masalah ini walaupun tidak dapat seratus peratus, tetapi sekurang-kurangnya ianya akan mencerminkan kepada negara lain bahawa Malaysia benar-benar merupakan sebuah negara yang betul mempunyai sistem demokrasi dan mempunyai berbagai-bagai kaum yang hidup aman damai dan mendapat layanan istimewa di dalam semua bidang

baikpun daripada bidang kesukanan, bidang kebajikan masyarakat ataupun apa jua bidang termasuklah di dalam hospital kalau menjadi seorang pesakit.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, terpaksa saya mengganggu ucapan Yang Berhormat oleh kerana masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok, jam 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.